



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

**NEGERI PAHANG  
SIRI 1**





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

---

## NEGERI PAHANG SIRI 1





---

# KANDUNGAN

---



# KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<b>BAHAGIAN I</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN</b>
	<b>PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
	<b>BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN</b>
	<b>NEGERI PAHANG</b>
3	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta
	<b>PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI</b>
	<b>JABATAN KERJA RAYA</b>
12	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>
38	Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir
	<b>MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN</b>
	<b>MAJLIS DAERAH PEKAN</b>
66	Pengurusan Pusat Transformasi Bandar Dan Pusat Transformasi Luar Bandar
	<b>BAHAGIAN II</b>
	<b>PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>
87	Pendahuluan
87	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
88	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
89	Objektif Pengauditan
89	Skop Dan Metodologi Pengauditan
90	Kawalan Utama
101	Penemuan Audit
107	Pemeriksaan Audit Mengejut
111	Syor Audit
115	<b>PENUTUP</b>





---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan dan 2 Agensi. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 17 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 15 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**19 Mac 2016**



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG

- Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta

1.1. Dasar Perumahan Negara (DRN) menggariskan hala tuju untuk dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Teras 4 Pelan Tindakan DRN iaitu Peningkatan Keupayaan Rakyat Bagi Memiliki Rumah Serta Memperbaiki Akses Kepada Penyewaan Rumah menggariskan program/peranan sedia ada agensi pelaksana yang terlibat. Kerajaan Negeri memainkan peranan antaranya dalam penetapan kadar harga jualan rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana; penetapan kuota Bumiputera dalam pemilikan perumahan; dan pemilihan penyewa/pembeli rumah kos rendah. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu menyedia, mengemas kini dan menguatkuasakan perundangan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan sektor perumahan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati secara umumnya pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta adalah memuaskan. Bagaimanapun dari segi dasar yang diguna pakai didapati kurang jelas dan menyukarkan pemantauan. Selain itu beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung pengurusan kuota Bumiputera adalah seperti berikut:

- Prestasi kuota Bumiputera tidak dapat diukur.
- Peruntukan kuota Bumiputera tidak dipatuhi.
- Pemaju tidak menyerahkan potongan harga lot Bumiputera kepada Kerajaan Negeri.
- Tiada Sekatan Kepentingan dalam hak milik Bumiputera.

1.3. Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan kuota Bumiputera, disyorkan tindakan berikut diambil:

1.3.1. Kerajaan Negeri memperincikan dasar 30% kuota Bumiputera dan syarat-syarat pelepasan yang ketat.

1.3.2. Bahagian Perumahan mengawal prestasi pemilikan 30% kuota Bumiputera pada setiap masa dengan menyediakan daftar lengkap mengenainya bagi setiap projek pembangunan perumahan di seluruh negeri Pahang.

**1.3.3.** Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) memastikan semua hak milik lot Bumiputera dicap ‘Lot ini Dikhaskan Untuk Bumiputera’.

**2. PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**  
**JABATAN KERJA RAYA**  
- Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

**2.1.** Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang dilalui oleh orang ramai. Di bawah Perkara 109 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara Jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) sehingga 31 Oktober 2015, panjang jalan yang telah didaftarkan di Negeri Pahang adalah sepanjang 15,265 kilometer (km). Pada tahun 2013, 2014 dan 2015, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pemberian tersebut kepada Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM204.93 juta, RM215.78 juta dan RM204.93 juta.

**2.2.** Syarikat YP Maintenance Sdn. Bhd. (Syarikat Konsesi) telah diberi kontrak jangka panjang bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri di seluruh Negeri Pahang. Keputusan tersebut telah dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMKN) Ke-6/2013 bertarikh 6 Februari 2013 dan bersetuju dengan tawaran yang dibuat oleh pihak Syarikat. Kontrak ini telah dimulai pada 1 April 2013 selama 7 tahun melibatkan jalan sepanjang 2,013.39 km dan pembiayaannya adalah daripada peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM88 juta setahun. Pengarah JKR Negeri Pahang merupakan Pengarah Projek selaku wakil bagi pihak Kerajaan bertanggungjawab memantau pematuhan Konsesi terhadap kehendak kontrak. Manakala Ketua Bahagian Jalan JKR Negeri serta Jurutera Daerah merupakan wakil kepada Pengarah JKR bagi menjalankan tanggungjawab terhadap penyeliaan dan pemantauan kerja penyenggaraan tersebut.

**2.3.** Pengauditan yang dijalankan pada September hingga November 2015 mendapati prestasi pengurusan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi adalah memuaskan dari segi pencapaian prestasi kerja penyenggaraan rutin kerana mencapai agregat dan pusingan kerja seperti yang ditetapkan kontrak. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Konsesi tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan tahunan yang diluluskan untuk kerja-kerja penyenggaraan yang perlu.
- Kerja penyenggaraan berkala *pavement* yang dicadangkan oleh Konsesi tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan kewangan daripada Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri tidak diagih mengikut keperluan.

- Tiada kelulusan lanjut tempoh masa serta tiada tindakan diambil terhadap kelewatan menyiapkan kerja penyenggaraan berkala.
- Kerja-kerja penyenggaraan yang diperlukan tidak dilaksanakan.
- Pembayaran tidak mematuhi syarat dan kadar harga kontrak serta kelewatan pembayaran kepada Konsesi.
- Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh Konsesi tidak menyeluruh.

**2.4.** Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi, pihak Audit mengesyorkan pihak JKR mengambil tindakan berikut :

**2.4.1.** Memastikan pihak Konsesi menggunakan sepenuhnya peruntukan tahunan yang diluluskan untuk kerja-kerja penyenggaraan yang perlu.

**2.4.2.** Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh Konsesi dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian dengan meningkatkan kekerapan lawatan berkala.

### **3. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

#### **- Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir**

**3.1.** Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang (JPS) bertanggungjawab untuk menyedia dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang perlu bagi pembangunan, pengurusan serta pengawalan teratur sumber air negeri untuk kemajuan pengairan dan saliran. Bagi mencapai matlamat tersebut, JPS menjalankan fungsi antaranya pengurusan lembangan sungai dan zon pantai, pengurusan sumber air dan hidrologi, Projek Khas, Saliran Mesra Alam dan pengurusan banjir. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah satu program fizikal untuk mengurangkan masalah banjir. Komponen utama RTB adalah seperti kawasan tадahan, kolam takungan, empangan, kolam banjir, pintu air, ampang jajar dan ban.

**3.2.** Di bawah Rancangan Malaysia Ke10 (RMKe-10), sejumlah RM249 juta diperuntukkan untuk Program Rancangan Tebatan Banjir (Persekutuan) dan sejumlah RM237.82 juta telah dibelanjakan. Manakala peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah berjumlah RM4.57 juta dan perbelanjaan sebenar berjumlah RM4.54 juta.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati perancangan projek RTB Negeri Pahang adalah baik termasuk sistem ramalan dan amaran banjir yang disediakan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pengurusan bagi 2 daripada 3 projek dalam pembinaan atau 66.7% adalah kurang memuaskan.

- Pengurusan bagi 4 daripada 14 projek yang telah siap dibina atau 28.6% adalah kurang memuaskan.
- Penyenggaraan bagi 8 daripada 14 projek RTB atau 57.1% tidak dilaksanakan secara berkala.

**3.4.** Bagi memastikan pengurusan projek Rancangan Tebatan Banjir dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah disyorkan JPS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**3.4.1.** JPS hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi memastikan projek Kerajaan yang telah dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.

**3.4.2.** JPS hendaklah memastikan reka bentuk komponen RTB yang disediakan oleh perunding bersetujuan dengan keadaan di tapak projek supaya projek yang dilaksanakan mencapai objektif dan memberi manfaat kepada masyarakat.

**3.4.3.** JPS perlu melaksanakan penyeliaan dan pemantauan yang efektif terhadap kemajuan kerja kontraktor bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

#### **4. MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN**

##### **MAJLIS DAERAH PEKAN**

- **Pengurusan Pusat Transformasi Bandar Dan Pusat Transformasi Luar Bandar**

**4.1.** Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Centre* (UTC) adalah merupakan usaha dan inisiatif kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti ini merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan sektor swasta. UTC Pahang beroperasi di bangunan yang terletak di tengah Pusat Bandar Kuantan. Pengurusan dan operasi UTC adalah diserahkan kepada MPK.

**4.1.1.** Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Center* (RTC) adalah berfungsi sebagai Pusat Integrasi Perkhidmatan yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan meliputi 9 inisiatif iaitu latihan kemahiran, kios informasi 1 Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kerjasama universiti, perkhidmatan kesihatan 1 Malaysia, kemudahan pembiayaan kewangan dan agro pelancongan. RTC Pahang terletak di Mukim Kuala Pahang dalam daerah Pekan. Bangunan ini telah diserahkan kepada MDP bagi urusan penyewaan dan penyenggaraan. Manakala

pengurusan RTC Pahang adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW).

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan terhadap UTC oleh MPK telah dilaksanakan dengan baik meliputi aspek perkhidmatan yang disediakan, penyewaan premis, kehadiran pengunjung, lokasi yang strategik, kemudahan tempat meletak kereta, penyenggaraan dan kebersihan bangunan serta keselesaan kepada pengunjung. Manakala pengurusan bangunan RTC Pahang oleh MDP pula masih perlu penambahbaikan seperti berikut:

- Perkhidmatan yang disediakan RTC masih belum memenuhi 9 inisiatif yang ditetapkan.
- Tuggakan sewa dan bil utiliti yang semakin meningkat.
- Bangunan RTC kurang dipantau oleh MDP.

**4.3.** Bagi memastikan RTC Pahang dapat diurus dengan lebih cekap serta masyarakat mendapat manfaat sewajarnya daripada program yang dilancarkan oleh kerajaan ini adalah disyorkan MDP dan pihak Pengurusan RTC mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**4.3.1.** Pengurusan RTC Pahang perlu menyediakan semua kemudahan seperti ditetapkan dalam inisiatif RTC untuk dimanfaatkan oleh penduduk setempat.

**4.3.2.** Meningkatkan promosi dan kemudahan keperluan penduduk setempat serta pelancong supaya RTC menjadi pilihan untuk dikunjungi bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan di samping membeli belah.

**4.3.3.** Penyenggaraan berterusan oleh MDP terhadap bangunan RTC bagi memastikan bangunan adalah berkeadaan baik dan selamat kepada pengguna.

## **BAHAGIAN II - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**5.** Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2015 secara amnya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2015 adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan di 13 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap cemerlang, 3 Jabatan adalah pada tahap baik dan satu Agensi adalah pada tahap memuaskan. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.





---

**BAHAGIAN I**

**AKTIVITI**

**JABATAN/AGENSI**

**DAN PENGURUSAN SYARIKAT**

**KERAJAAN NEGERI**

---



---

## **BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**

---

### **1. PENGURUSAN KUOTA BUMIPUTERA BAGI PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Dasar Perumahan Negara (DRN) menggariskan hala tuju untuk dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Teras 4 Pelan Tindakan DRN iaitu Peningkatan Keupayaan Rakyat Bagi Memiliki Rumah Serta Memperbaiki Akses Kepada Penyewaan Rumah menggariskan program/peranan sedia ada agensi pelaksana yang terlibat. Kerajaan Negeri memainkan peranan antaranya dalam penetapan kadar harga jualan rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana; penetapan kuota Bumiputera dalam pemilikan perumahan; dan pemilihan penyewa/pembeli rumah kos rendah. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu menyedia, mengemas kini dan menguatkuaskan perundangan, peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan sektor perumahan.

**1.1.2.** Berdasarkan kepada Laporan Perangkaan Tahunan Jabatan Perumahan Negara, sebanyak 1,134 projek perumahan swasta berstatus lancar di negeri Pahang bagi tahun 2012 hingga Mac 2015 dengan 18,063 unit kediaman telah dijual daripada 51,513 unit kediaman yang dibina seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1  
Projek Perumahan Swasta Berstatus Lancar Di Pahang  
Bagi Tahun 2012 Hingga Mac 2015**

Butiran	Tahun				Jumlah
	2012	2013	2014	2015	
Bilangan Projek	234	227	370	303	1,134
Unit Dibina	12,329	9,552	20,481	9,151	51,513
Unit Dijual	4,672	3,794	6,112	3,485	18,063

Sumber: Laporan Perangkaan Tahunan, Jabatan Perumahan Negara

#### **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta telah dilaksanakan secara berkesan, cekap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

#### **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri berhubung kuota Bumiputera meliputi taburan, jualan dan pelepasan lot Bumiputera serta bayaran potongan harga Bumiputera bagi lot-lot yang dilepaskan bagi tempoh 2012 hingga 2015. Pengauditan dilakukan di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK).

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah Kuantan, Temerloh dan Bentong turut terlibat dalam pengumpulan dan pengesahan data/maklumat pembangunan harta tanah. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis maklumat pembangunan harta tanah berdasarkan rekod dan fail permohonan dan kelulusan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC); data daripada Sistem Pembangunan Tanah Bersepadu (SPTB); maklumat cukai taksiran; dan dokumen berkaitan pengurusan kuota Bumiputera. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan fizikal ke tapak projek turut dilakukan untuk pengesahan. *Exit Conference* bersama Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan telah diadakan pada 2 Mac 2016 yang turut dihadiri oleh Ketua Audit Dalam SUK, 2 orang wakil PTG serta masing-masing seorang wakil PBT daripada Kuantan dan Bentong.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 mendapati secara umumnya pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta adalah memuaskan. Bagaimanapun dari segi dasar yang diguna pakai didapati kurang jelas dan menyukarkan pemantauan. Selain itu beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung pengurusan kuota Bumiputera adalah seperti berikut:

- Prestasi kuota Bumiputera tidak dapat diukur.
- Peruntukan kuota Bumiputera tidak dipatuhi.
- Pemaju tidak menyerahkan potongan harga lot Bumiputera kepada Kerajaan Negeri.
- Tiada Sekatan Kepentingan dalam hak milik Bumiputera.

### **1.4.1. Prestasi Kuota Bumiputera**

**1.4.1.1.** Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN) Pahang Bil. 11/1978 menetapkan syarat bahawa 30% daripada unit bangunan yang didirikan diperuntukkan kepada Bumiputera bagi permohonan mengubah jenis kegunaan tanah. Surat Pekeliling YB. SUK Bil. 7/2011 [Dasar penyediaan rumah Kos Rendah (KR) dan Kos Sederhana Rendah (KSR) untuk pembangunan tanah milik melebihi 5 ekar bagi maksud pembangunan bercampur] pula menetapkan dasar tambahan sekurang-kurangnya 30% daripada semua jenis pembangunan hendaklah dijual kepada Bumiputera.

**1.4.1.2.** Semakan Audit mendapati Bahagian Perumahan yang bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras dan melaksana dasar dan pencapaian matlamat perumahan negeri meliputi projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PPRM) tidak menyelenggarakan maklumat lengkap mengenai kedudukan lot-lot dan kuota Bumiputera bagi semua projek perumahan di seluruh negeri Pahang. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengukur pencapaian 30% kuota Bumiputera dalam pemilikan harta tanah di Negeri Pahang setakat ini.

**1.4.1.3. Maklum balas daripada Bahagian Perumahan bertarikh 25 Februari 2016 menjelaskan, Bahagian Perumahan tidak mengendalikan penjualan kuota Bumiputera berdasarkan Surat Pekeliling YB. SUK Bilangan 7 Tahun 2011. Pentadbiran ini akan membuat tindakan susulan penambahbaikan kepada proses kawalan peruntukan kuota Bumiputera melibatkan agensi-agensi yang berkaitan.**

Pada pendapat Audit, ketiadaan maklumat lengkap menyukarkan pihak Kerajaan Negeri untuk memantau pencapaian 30% kuota Bumiputera bagi projek perumahan yang dijalankan di negeri Pahang.

#### **1.4.2. Pencapaian Kuota 30% Lot Bumiputera**

**1.4.2.1.** Bagi tempoh 2013 hingga September 2015, sebanyak 29 projek pembangunan KR dan KSR melibatkan 4,988 unit dibangunkan di daerah Kuantan, Temerloh dan Bentong dengan anggaran 1,164 unit perlu diperuntukkan kepada Bumiputera. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.2**. Semakan Audit mendapati, 3 projek pembangunan KR dan KSR tidak mematuhi 30% kuota Bumiputera mengikut jenis hartanah yang dibangunkan seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.2**  
**Projek Pembangunan KR dan KSR**  
**Bagi Tempoh 2013 Hingga September 2015**

Daerah	Tahun	Projek	Jumlah Unit Yang Dibangunkan	KR	KSR	B*
Kuantan	2013	1. Taman Semambu Baru (Andorra Peak)	68	10	10	14
		2. Perumahan Kg. Padang Baru	95	12	16	20
		3. Bukit Setongkol Perdana (Lot 776 & Lot 777)	207	41	36	39
		4. Perumahan Seri Setali (Lot 29015)	TM	-	10	TM
	2014	1. Indera Mahkota (bypass)	675	-	176	150
		2. Bukit Rangin	1,669	-	155	454
	2015	1. Taman Seri Damai Perdana	134	28	-	32
		2. Taman Derakan (Lot 9660 GM 3581)	76	13	7	17
		3. Lot 9661 GM 3653	66	13	7	14
Temerloh	2013	1. Taman Gau Idaman	TM	-	47	TM
		2. Taman Temerloh Jaya	60	9	9	13
		3. Taman Setia Jasa	TM	-	91	TM
		4. Taman Pulai Idaman	TM	42	-	TM
		5. Taman Pinggiran Temerloh Damai	TM	-	30	TM
		6. Taman Temerloh Jaya Indah	77	-	29	14
		7. Taman Krau Indah	128	13	13	31
		8. Taman Sri Kemuning	81	12	12	17
		9. Taman Chatin Maju	TM	17	17	TM
		10. Taman Saga Damai	190	40	19	39
		11. Bukit Desa Semantan	341	52	71	65
		12. Taman Rimba Emas	90	13	14	19
		13. Taman Rimba Permai Baru Fasa II	114	-	17	29
	2014	1. Taman Mutiara Semantan	204	-	62	43
		2. Taman Mentakab Indah	131	16	16	30
		3. Taman Temerloh Jaya Indah Fasa II	110	-	17	28
		4. Taman Krau Indah Fasa II	TM	24	21	TM
	2015	-	-	-	-	-

Daerah	Tahun	Projek	Jumlah Unit Yang Dibangunkan	KR	KSR	B*
Bentong	2013	1. Taman Anggerik Height 2. Taman Karak Indah	282 190	- -	95 57	56 40
	2014	-	-	-	-	-
	2015	1. Taman Bukit Tinggi	TM	210	198	TM
	<b>Jumlah</b>		<b>4,988</b>	<b>565</b>	<b>1,252</b>	<b>1,164</b>

Sumber: Bahagian Perumahan serta Majlis Perbandaran Kuantan, Temerloh dan Bentong

Nota: KR – Rumah Kos Rendah                    KSR – Rumah Kos Sederhana Rendah                    B – Bumiputera

\* – Anggaran 30% dari unit keseluruhan yang dibangunkan tidak termasuk unit KR dan KSR

TM – Tiada Maklumat

**Jadual 1.3**  
**Projek Pembangunan Yang Tidak Mematuhi Kuota Bumiputera**

Bil.	Projek/Keluasan	Jenis Hartanah	Bil. Unit	Kuota (30%)	Pengisian		Baki
					B	NB	
1.	Taman Saga Damai/ 17.432 ekar	Rumah Berkembar 2 Tingkat	24	7	-	23	1
		Rumah Teres 2 Tingkat	45	14	-	44	1
		Rumah Teres 1 Tingkat	58	17	6	52	-
2.	Taman Karak Indah/ 22.619 ekar	Rumah Sesebuah 1 Tingkat	9	3	2	7	-
		Rumah Berkembar 2 Tingkat	10	3	-	10	-
		Rumah Berkembar 1 Tingkat	40	12	-	40	-
		Rumah Teres 2 Tingkat	22	7	-	22	-
		Rumah Teres 1 Tingkat	51	15	2	49	-
3.	Taman Anggerik Height/ 30.875 ekar	Rumah Berkembar 3 Tingkat	10	3	-	10	-
		Rumah Berkembar 1 Tingkat	50	15	11	39	-
		<b>Jumlah</b>		<b>319</b>	<b>96</b>	<b>21</b>	<b>296</b>
							<b>2</b>

Sumber: Bahagian Perumahan serta Majlis Perbandaran Temerloh dan Bentong

Nota: B – Bumiputera    NB – Bukan Bumiputera

**1.4.2.2.** Selain itu, satu projek pembangunan iaitu di Taman Bahagia Perdana, Temerloh dengan keluasan 9.834 ekar tidak mematuhi 30% kuota Bumiputera bagi 2 jenis hartaan yang dibangunkan. Semakan Audit mendapati hanya 3 unit daripada 18 unit rumah berkembar diperuntukkan kepada Bumiputera dan tiada peruntukan kuota Bumiputera bagi 23 unit rumah teres 2 tingkat.

**1.4.2.3.** Semakan Audit mendapati satu projek pembangunan bagi 3 lot bersebelahan iaitu lot 1156, lot 1021 dan lot 1020 dengan jumlah keluasan 6.393 ekar telah dibangunkan oleh pemaju yang sama dan tidak mematuhi 30% kuota Bumiputera. Semakan lanjut Audit mendapati 50 daripada 52 unit kediaman yang dibangunkan dimiliki oleh bukan Bumiputera serta tiada permohonan pelepasan lot Bumiputera bagi projek ini. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.4** dan **Gambar 1.1**.


**Jadual 1.4**  
**Gabungan Lot Melebihi 5 ekar**

Bil.	Projek/Keluasan	Jenis Hartanah	Bil. Unit	Kuota (30%)	Pengisian		Baki
					B	NB	
1.	Taman Mutiara Height/ 3.062 ekar	Rumah Berkembar 2 tingkat	8	2	-	7	1
		Rumah Teres 2 tingkat	16	5	-	15	1
2.	Taman Mutiara Height/ 1.675 ekar	Rumah Teres 2 tingkat	12	4	-	12	-
3.	Taman Mutiara Height/ 1.656 ekar	Rumah Teres 2 tingkat	16	5	-	16	-
<b>Jumlah</b>				<b>52</b>	<b>16</b>	-	<b>50</b>
<b>Jumlah</b>				<b>52</b>	<b>16</b>	-	<b>2</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

Nota: B – Bumiputera      NB – Bukan Bumiputera

**Gambar 1.1**  
**Lot 1156, Lot 1021 dan Lot 1020**



Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

Lokasi: Taman Mutiara Height, Mukim Bentong

Tarikh: 26 Januari 2016

**1.4.2.4. Maklum balas daripada Bahagian Perumahan bertarikh 25 Februari 2016 menjelaskan, Surat Pekeliling YB. SUK Bilangan 7 Tahun 2011 hanya menetapkan 30% kuota Bumiputera bagi pembangunan bercampur yang melebihi 5 ekar sahaja.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kuota Bumiputera adalah memuaskan. Bagaimanapun pemantauan terhadap pelaksanaan 30% kuota Bumiputera perlu ditingkatkan. Selain itu, penetapan syarat 5 ekar bagi pembangunan bercampur perlu dikaji semula supaya pelaksanaan kuota Bumiputera dapat dilaksanakan.

#### 1.4.3. Pelepasan Lot Bumiputera

**1.4.3.1. Bagi meringankan beban pemaju yang tidak dapat menjual lot Bumiputera, Bahagian Perumahan telah mengeluarkan Pindaan Syarat Permohonan Pelepasan Kuota Bumiputera Oleh Pemaju Swasta Di Negeri Pahang bertarikh 30 Disember 2011 sebagaimana yang diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) Yang Ke-36/2011 pada 2 November 2011. Permohonan pelepasan lot Bumiputera boleh dipohon**

oleh pemaju dalam 2 peringkat iaitu kemajuan projek telah mencapai 75% serta setelah projek siap dan mendapat *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) atau CCC. Syarat pelepasan lot Bumiputera yang perlu dipenuhi ialah pemaju perlu mengiklankan di akhbar tempatan berbahasa Melayu dan / atau Inggeris sebanyak 3 kali dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh permohonan. Selain itu pemaju perlu menyertai aktiviti promosi dan memastikan kesemua lot bukan Bumiputera telah habis dijual.

**1.4.3.2.** Permohonan pelepasan kuota Bumiputera hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perumahan untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera sebelum diangkat ke mesyuarat MMK untuk kelulusan. Setiap permohonan dikenakan yuran memproses sejumlah RM100 serta keputusan akan dikeluarkan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh permohonan. Selain itu, pemaju perlu menyerahkan potongan harga Bumiputera kepada Kerajaan Negeri sebanyak 5% atau 7.5% daripada harga jualan masing-masing bagi setiap unit bangunan kediaman dan bangunan perniagaan/industri/komersial yang dilepaskan.

**1.4.3.3.** Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Daftar permohonan pelepasan lot Bumiputera telah disediakan namun tidak lengkap dan kemas kini dengan maklumat seperti nama pemaju/pemohon, kategori hartaanah, bilangan unit yang dibangunkan, bilangan lot Bumiputera yang diperuntukkan, bilangan lot Bumiputera yang ingin dilepaskan, tarikh permohonan dan nombor resit. Daripada 10 pemaju yang memohon pelepasan lot Bumiputera dari tahun 2008 hingga September 2015, 3 pemaju dengan 38 lot Bumiputera telah diluluskan pelepasan, 4 ditangguhkan, satu ditolak dan 2 lagi tidak dapat ditentukan kerana tiada maklumat berkaitan seperti di **Jadual 1.5**. Bagaimanapun yuran proses bagi 9 pemaju tidak dapat disahkan kerana hanya satu resit dikepulkan di dalam fail. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Bahagian Perumahan hanya menguruskan pelepasan lot Bumiputera sekiranya ada permohonan daripada pemaju.

**Jadual 1.5**  
**Permohonan Pelepasan Lot Bumiputera Bagi Tahun 2008 Hingga September 2015**

Daerah	Pemaju	Jenis Hartanah	Lot Bumiputera	Lot Untuk Dilepaskan	Tarikh Permohonan Pelepasan	Tarikh Kelulusan Pelepasan
Kuantan	Pemaju 1	Kedai Pejabat 3 Tingkat	6	6	23.04.2012	Ditangguhkan
	Pemaju 2	TM	TM	7	06.01.2014	
	Pemaju 3	TM	TM	5	TM	
Temerloh	Pemaju 4	Rumah Teres Setingkat	9	1	10.04.2008	TM
		Rumah Murah Kos Sederhana	7	1		
Bentong	Pemaju 5	Rumah Berkembar 2 Tingkat	4	2	14.11.2011	11.06.2014
	Pemaju 6	Rumah Kos Rendah	4	3	21.05.2009	Ditangguhkan

Daerah	Pemaju	Jenis Hartanah	Lot Bumiputera	Lot Untuk Dilepaskan	Tarikh Permohonan Pelepasan	Tarikh Kelulusan Pelepasan
Cameron Highlands	Pemaju 7	Rumah Teres 2 Tingkat	60	24	03.06.2014	11.03.2015
Raub	Pemaju 8	Rumah Teres 1 tingkat	9	7	05.12.2008	11.03.2009
		Rumah Teres Dua Tingkat	8	5		
Bera	Pemaju 9	Kedai 1 Tingkat	19	5	01.11.2011 (Rayuan)	TM
Raub	Pemaju 10	Kedai Pejabat 2 Tingkat	19	11	TM	Ditolak
<b>Jumlah</b>			<b>145</b>	<b>77</b>		

Sumber: Bahagian Perumahan

- b. Tiga pemaju tidak menyerahkan 5% potongan harga Bumiputera bagi 38 unit bangunan kediaman yang telah diluluskan pelepasan lot Bumiputera berjumlah RM0.71 juta kepada Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 1.6**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kerana pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Pahang telah mengemukakan bantahan dan tidak bersetuju dengan syarat tersebut. Bagaimanapun, tiada maklumat kelulusan pemansuhan penyerahan potongan harga Bumiputera dikemukakan untuk semakan.

**Jadual 1.6**  
**Potongan Harga Bumiputera Yang Tidak Dilaksanakan**

Pemaju	Jenis Hartanah	Unit Yang Dilepaskan	Harga Jualan Seunit (RM)	* Potongan Harga Bumiputera (RM)
Pemaju 1	Rumah Teres 2 Tingkat	24	499,900	599,880
Pemaju 2	Rumah Berkembar 2 Tingkat	2	398,800	39,880
Pemaju 3	Rumah Teres 1 tingkat	7	89,800	31,430
	Rumah Teres 2 tingkat	5	156,800	39,200
<b>Jumlah</b>				<b>710,390</b>

Nota: \* - 5% daripada harga jualan seunit bagi setiap lot Bumiputera yang dilepaskan

- c. **Maklum balas daripada Bahagian Perumahan bertarikh 25 Februari 2016 menjelaskan, dasar pemulangan potongan harga Bumiputera kepada Kerajaan Negeri Pahang telah diluluskan oleh MMK. Dasar ini telah mendapat bantahan daripada pemaju swasta melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemudah Peringkat Negeri Pahang Bilangan 1 Tahun 2012. Bahagian Perumahan telah diarahkan untuk mengangkat Kertas Pemansuhan bayaran pelepasan kuota Bumiputera kepada Jawatankuasa Perumahan Negeri Pahang (JPNP). Kertas pemansuhan berkenaan telah diangkat pada 28 Disember 2012 dan 25 Jun 2013 tetapi ditolak oleh JPNP dan mengekalkan keputusan MMK sebelum ini.**

Pada pendapat Audit, kawalan pelepasan lot Bumiputera adalah memuaskan. Bagaimanapun, potongan harga lot Bumiputera oleh pemaju tidak diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

#### 1.4.4. Sekatan Kepentingan Dalam Hak Milik Bumiputera

1.4.4.1. Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN) Bil. 3/2001 menetapkan supaya Kod Sekatan Kepentingan yang mempunyai tambahan perkataan ‘Lot ini Dikhaskan Untuk Bumiputera’ digunakan apabila urusan pendaftaran Hak Milik Sambungan dilakukan bagi tanah yang telah diluluskan penukaran Kategori Kegunaan Tanah di mana kuota Bumiputera dikenakan serta selepas Pecah Sempadan atau Pecah Bahagian diluluskan. Selain itu, sekiranya pihak pemaju gagal menentukan lot Bumiputera, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menentukan sendiri lot Bumiputera bagi tujuan mengenakan Sekatan Kepentingan dalam Hak Milik Sambungan.

1.4.4.2. Semakan Audit mendapati perkataan ‘Lot ini Dikhaskan Untuk Bumiputera’ tidak dinyatakan dalam Sekatan Kepentingan hak milik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa keputusan cabutan minit Mesyuarat Pagi Negeri Pahang Bil. 3/2012 pada 26 Mac 2012 menyatakan catatan ‘Lot ini Dikhaskan Untuk Bumiputera’ ke atas hak milik tidak selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

1.4.4.3. **Maklum balas daripada Bahagian Perumahan bertarikh 25 Februari 2016 menjelaskan, berdasarkan surat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang bertarikh 8 November 2012, arahan telah dikeluarkan membatalkan catatan “Lot Ini Dikhaskan Untuk Bumiputera” ke atas hak milik kerana tidak selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa dan tidak perlu dilaksanakan kerana syarat kuota hanyalah dikeluarkan kepada pemaju perumahan sahaja dan bukan kepada pembeli (penerima hak milik) Bumiputera.**

Pada pendapat Audit, hak milik yang tidak dimasukkan sekatan kepentingan bagi lot yang telah diperuntukkan kepada Bumiputera boleh menyebabkan harta tanah tersebut dipindah milik kepada bukan Bumiputera dan pemilikan kuota Bumiputera semakin berkurangan.

#### 1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan kuota Bumiputera, disyorkan tindakan berikut diambil:

1.5.1. Kerajaan Negeri memperincikan dasar 30% kuota Bumiputera dan syarat-syarat pelepasan yang ketat.

**1.5.2.** Bahagian Perumahan mengawal prestasi pemilikan 30% kuota Bumiputera pada setiap masa dengan menyediakan daftar lengkap mengenainya bagi setiap projek pembangunan perumahan di seluruh negeri Pahang.

**1.5.3.** Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) memastikan semua hak milik lot Bumiputera di cap ‘Lot ini Dikhaskan Untuk Bumiputera’.

---

## **PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA**

---

### **2. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada Jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang dilalui oleh orang ramai. Di bawah Perkara 109 (1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara Jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) sehingga 31 Oktober 2015, panjang jalan yang telah didaftarkan di Negeri Pahang adalah sepanjang 15,265 kilometer (km). Pada tahun 2013, 2014 dan 2015, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pemberian tersebut kepada Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM204.93 juta, RM215.78 juta dan RM204.93 juta.

**2.1.2.** Syarikat YP Maintenance Sdn. Bhd. (Syarikat Konsesi) telah diberi kontrak jangka panjang bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri di seluruh Negeri Pahang. Keputusan tersebut telah dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMKN) Ke-6/2013 bertarikh 6 Februari 2013 dan bersetuju dengan tawaran yang dibuat oleh pihak Syarikat. Kontrak ini telah dimulai pada 1 April 2013 selama 7 tahun melibatkan kategori Jalan Raya Negeri di bawah JKR bagi jalan sepanjang 2,013.39 km dan pembiayaannya adalah daripada peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM88 juta setahun.

**2.1.3.** Pengarah JKR Negeri Pahang merupakan Pengarah Projek selaku wakil bagi pihak Kerajaan bertanggungjawab memantau pematuhan Konsesi terhadap kehendak kontrak. Manakala Ketua Bahagian Jalan JKR Negeri serta Jurutera Daerah merupakan wakil kepada Pengarah JKR bagi menjalankan tanggungjawab terhadap penyeliaan dan pemantauan kerja penyenggaraan tersebut.

**2.1.4.** Kajian Audit terhadap pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010. Dalam laporan tersebut, pihak Audit telah melaporkan beberapa perkara seperti penyenggaraan bahu jalan dan perabot jalan tidak dilaksanakan dengan baik.

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan Jalan Negeri oleh pihak Konsesi telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**2.3.1.** Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap pengurusan dan kerja penyenggaraan rutin, berkala, kecemasan dan perkhidmatan pengurusan penyenggaraan aset oleh Syarikat Konsesi bagi penyenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2013 sehingga November 2015. Pengauditan merangkumi kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri di 3 daerah iaitu Temerloh, Pekan dan Raub yang meliputi 785.12 km bersamaan 40% daripada jumlah keseluruhan panjang jalan dalam kontrak. Sampel yang dipilih adalah sepanjang 275.21 km yang melibatkan 13 batang jalan dan mewakili 14% daripada 2,013.39 km bagi jalan negeri yang dipertanggungjawabkan kepada Syarikat Konsesi. Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Bahagian Jalan JKR Negeri Pahang serta Unit Jalan JKR Daerah Temerloh, Pekan dan Raub.

**2.3.2.** Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen kontrak, rekod dan dokumen yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan fizikal bersama pegawai teknikal JKR dan wakil Syarikat Konsesi dibuat. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Timbalan Pengarah JKR Negeri Pahang, semua Jurutera/Wakil JKR Daerah serta pegawai-pegawai yang berkenaan telah diadakan pada 21 Januari 2016 bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkara berbangkit.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada September hingga November 2015 mendapati prestasi pengurusan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi adalah memuaskan dari segi pencapaian prestasi kerja penyenggaraan rutin kerana mencapai agregat dan pusingan kerja seperti yang ditetapkan kontrak. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Konsesi tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan tahunan yang diluluskan untuk kerja-kerja penyenggaraan yang perlu.
- Kerja penyenggaraan berkala *pavement* yang dicadangkan oleh Konsesi tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan kewangan daripada Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri tidak diagih mengikut keperluan.
- Tiada kelulusan lanjut tempoh masa serta tiada tindakan diambil terhadap kelewatan menyiapkan kerja penyenggaraan berkala.

- Kerja-kerja penyenggaraan yang diperlukan tidak dilaksanakan.
- Pembayaran tidak mematuhi syarat dan kadar harga kontrak serta kelewatan pembayaran kepada Konsesi.
- Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh Konsesi tidak menyeluruh.

#### **2.4.1. Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri**

**2.4.1.1.** Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam MARRIS. Pemberian tersebut diperakaunkan dalam satu akaun kumpulan wang amanah khusus untuk tujuan ini iaitu Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri. Jumlah terimaan di bawah kumpulan wang ini pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah masing-masing berjumlah RM206.18 juta, RM218.53 juta dan RM217.24 juta. Daripada jumlah tersebut didapati sejumlah RM165.62 juta atau 80.3%, RM233.74 juta atau 107.0% dan RM230.88 juta atau 106.3% telah dibelanjakan bagi tempoh yang sama. Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta kedudukan Kumpulan Wang Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri bagi tempoh 2013 hingga 2015 seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Kedudukan Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Pelbagai Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2013	88.22	204.93	1.25	165.62	128.78	80.3
2014	128.78	215.78	2.75	233.74	113.57	107.0
2015	113.57	204.93	12.31	230.88	99.93	106.3

Sumber : Penyata Kewangan Negeri

**2.4.1.2.** Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri akan mengagihkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah tersebut kepada JKR Negeri. Peruntukan tersebut seterusnya akan diagihkan kepada pihak JKR Daerah, PBT dan juga JPS oleh JKR Negeri. Jumlah agihan adalah berdasarkan kepada panjang jalan yang perlu disenggarakan oleh agensi masing-masing yang telah didaftarkan dalam MARRIS. Peruntukan MARRIS yang diagihkan kepada JKR perlu dibelanjakan dalam tahun semasa. Manakala bagi PBT dan JPS, peruntukan yang diterima adalah khusus untuk melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dan lebihan peruntukan boleh dibawa ke tahun yang berikutnya. Pada tahun 2013 hingga 2015 jumlah perbelanjaan sebenar yang diagihkan adalah RM630.24 juta atau 98.2% seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Agihan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Tahun	Terimaan Agihan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar						Jumlah Perbelanjaan (RM Juta) (%)			
		JKR		JPS		PBT					
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)				
2013	206.18	87.17	42.28	10.25	4.97	68.20	33.28	165.62	80.3		
2014	218.53	149.24	68.29	10.10	4.62	74.40	34.48	233.74	107.0		
2015	217.24	167.98	77.32	10.00	4.60	52.90	25.81	230.88	106.3		
<b>Jumlah</b>	<b>641.95</b>	<b>404.39</b>	<b>77.32</b>	<b>30.35</b>	<b>4.73</b>	<b>195.5</b>	<b>30.45</b>	<b>630.24</b>	<b>98.2</b>		

Sumber : Penyata Kewangan Negeri

#### **2.4.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi**

**2.4.2.1.** Berdasarkan perjanjian kontrak, penyenggaraan Jalan Negeri dikategorikan kepada 4 iaitu kerja rutin, kerja berkala, kerja kecemasan dan perkhidmatan pengurusan aset seperti berikut :

- a. Kerja penyenggaraan rutin melibatkan 7 skop kerja iaitu *pothole patching*, penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, perabot jalan, jambatan dan pembentung, pembersihan longkang dan pemeriksaan rutin. Kadar bagi penyenggaraan rutin ialah RM1,581.57 sekilometer jalan sebulan.
- b. Skop kerja penyenggaraan berkala ialah kerja penyenggaraan *pavement* dan *non-pavement*. Kerja *pavement* melibatkan kerja pemulihan turapan seperti *overlay*, *mill & pave*, *reconstruction*, *recycling*, *shoulder works* serta kerja berkaitan. Kerja *non-pavement* pula melibatkan kerja penyenggaraan seperti longkang dan pembentung, perabot jalan, penstabilan struktur dan pembaikan cerun serta kerja-kerja lain yang berkaitan.
- c. Kerja penyenggaraan kecemasan merupakan aktiviti penyenggaraan jalan yang berlaku di luar jangkaan dan memerlukan pemberian segera melibatkan kejadian seperti tanah runtuh, kegagalan benteng dan jalan mendap, jambatan runtuh, struktur longkang dan pembentung runtuh, banjir, penutupan jalan akibat kemalangan serta pokok tumbang. Kadar bayaran bagi penyenggaraan berkala dan kecemasan adalah tertakluk kepada cadangan dan program kerja yang diluluskan mengikut kadar dalam perjanjian yang tidak melebihi RM49.35 juta setahun.
- d. Skop kerja perkhidmatan pengurusan aset terdiri daripada Pengurusan Aset Kerja-kerja *Pavement* dan Pengurusan Aset Kerja-kerja Inventori melibatkan kadar bayaran RM45 sekilometer jalan sebulan.

**2.4.2.2.** Pada tahun 2013 sejumlah RM44 juta sahaja diperuntukan untuk Konsesi. Ini berikutan tarikh pemilikan tapak yang lewat dan terpaksa ditunda daripada bulan April 2013 kepada Julai 2013. Pada tahun 2014, kelulusan tambahan peruntukan sebanyak RM20.37 juta telah diluluskan oleh Pejabat Perbendaharaan dan Kewangan Negeri

setelah pihak Konsesi menghantar permohonan peruntukan tambahan kepada JKR Negeri Pahang.

**2.4.2.3.** Semakan Audit mendapati pada tahun 2013, 2014 dan 2015 jumlah perbelanjaan penyenggaraan jalan Negeri oleh Konsesi adalah RM35.61 juta, RM99.59 juta dan RM78.89 juta. Peratus perbelanjaan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing ialah 80.9%, 91.9% dan 89.6%. Ini menunjukkan pihak Konsesi tidak membelanjakan peruntukan yang telah diluluskan sepenuhnya untuk penyenggaraan jalan yang perlu. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Negeri Oleh Syarikat Konsesi**  
**Bagi Tempoh April 2013 Hingga Disember 2015**

Syarikat Konsesi	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Kerja Penyenggaraan Rutin	10.69	36.80	36.34	83.83
Kerja Penyenggaraan Berkala	24.44	61.09	40.41	125.94
Kerja Penyenggaraan Kecemasan	0.48	1.40	1.51	3.39
Perkhidmatan Pengurusan Aset	-	0.30	0.63	0.93
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>35.61</b>	<b>99.59</b>	<b>78.89</b>	<b>214.09</b>
Harga Kontrak Yang Diluluskan	44.00	108.37	88.00	240.37
<b>Peratus Perbelanjaan (%)</b>	<b>80.9</b>	<b>91.9</b>	<b>89.6</b>	<b>89.1</b>

Sumber: JKR Negeri Pahang

**2.4.2.4.** Pada tahun 2013 sehingga bulan Oktober 2015, didapati kerja penyenggaraan *pavement* yang dilaksanakan oleh Konsesi hanya melibatkan jalan sepanjang 130.29 km berbanding 257.60 km panjang jalan yang teruk dan perlu disenggara segera. Lawatan Audit ke Daerah Temerloh misalnya mendapati masih ada jalan yang memerlukan penyenggaraan berkala *pavement* seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

**Gambar 2.1**  
**Jalan Raya Yang Memerlukan Penyenggaraan Berkala**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 36, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.2**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 2.68, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 09 Disember 2014

**2.4.2.5. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, Pada tahun 2013, pelaksanaan kerja oleh Konsesi baru bermula, oleh itu kerja penyenggaraan rutin masih dalam tempoh tanggungan kecacatan atau sedang dilaksanakan melalui kontrak yang dilantik oleh JKR hingga hujung tahun. Bagi kerja penyenggaraan berkala, pelaksanaan tidak dapat dijalankan mengikut jadual kerana kelewatan Konsesi mengemukakan program kerja. Pada tahun 2014, tambahan peruntukan lewat diterima dan semasa proses mengeluarkan Surat Laksana Kerja telah berlaku banjir besar melanda Negeri Pahang. Namun begitu, perbelanjaan peruntukan yang belum dihabiskan akan dibawa ke tahun berikutnya. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sumber lain untuk disalurkan peruntukan bagi menyenggara jalan-jalan negeri. JKR terpaksa melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berkala mengikut keutamaan. JKR sangat bersetuju jika peruntukan penyenggaraan ditambah bagi membolehkan kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan seperti dirancang untuk mengelakkan kerosakan yang lebih teruk.**

Pada pendapat Audit, pemantauan JKR Negeri Pahang terhadap kerja penyenggaraan Konsesi kurang memuaskan kerana tidak kesemua peruntukan yang diluluskan dibelanjakan untuk kerja-kerja penyenggaraan yang perlu.

### **2.4.3. Pelaksanaan Kerja-kerja Penyenggaraan**

#### **2.4.3.1. Kualiti Kerja Penyenggaraan Berkala**

- a.** Kerja pembinaan atau bekalan hendaklah dibuat mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang ditetapkan serta bayaran perlu dijelaskan terhadap kerja/bekalan yang telah dilaksanakan. JKR juga perlu memastikan semua kerja dan bahan yang digunakan bagi kerja penyenggaraan adalah berkualiti bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat digunakan dalam tempoh yang lama. Sebanyak 35 kerja berkala yang dilaksanakan di daerah Temerloh, Pekan dan Raub bagi tempoh 2013 hingga 2015 terdiri daripada kerja menurap jalan, membaiki struktur jalan, membaiki cerun, mencantas dahan pokok, mengecat jalan, membaiki longkang, naik taraf pembentung dan jambatan.
- b.** Lawatan Audit ke 12 lokasi kerja penyenggaraan berkala telah dijalankan di daerah Temerloh, Pekan dan Raub, mendapati 6 kerja penyenggaraan berkala yang dilaksanakan kurang memuaskan serta tidak mengikut spesifikasi butiran kerja dalam *Bill of Quantities* (BQ). Butiran dan penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

- i. Kerja membaikpulih *pavement* dengan kaedah *C/PR* di Laluan C123 Jalan Teluk Ira - Rumpun Makmur Sek. 37.7 - 40.7 telah siap dilaksanakan pada Januari 2015 dengan nilai kerja RM2,748,639. Antara kerja yang perlu dilaksanakan adalah *subsoil drain* dan pemasangan baru *guardrail*. Lawatan Audit mendapati kerja tersebut tidak dibuat dan tiada bayaran dibuat, namun begitu terdapat bayaran berjumlah RM9,990 bagi kerja pemasangan 12 unit papan tanda had muatan di lokasi lain iaitu Jalan Jenderak Loop, Lipat Kajang, SK Kerdau, Mempateh-Jergoh dan Sanggang tanpa kelulusan JKR Negeri seperti di **Gambar 2.3**. Selain itu, terdapat papan tanda *chevron* yang dipasang telah tumbang seperti di **Gambar 2.4**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.5**. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR Daerah telah melaksanakan perubahan kerja disebabkan aduan keperluan semasa di tapak. Sebarang perubahan kerja atau pertukaran lokasi pada masa akan datang perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Jalan, JKR Negeri.**



**Gambar 2.4**  
**Papan Tanda Chevron Tumbang**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 34, Laluan C123, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.3**  
**Papan Tanda Dipasang Di Lokasi Pindaan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 0, Jalan Jenderak Loop,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.5**  
**Papan Tanda Chevron Yang Tumbang Telah Dibaiki**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 34, Laluan C123, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

- ii. Kerja-kerja menyenggara dan memperbaiki *pavement* beserta pelebaran jalan bersama garisan jalan baru di Jalan Charuk Putting - Selindang Sek. 0.0-3.5 telah siap dilaksanakan pada Februari 2015 dengan nilai kerja berjumlah RM3,229,504. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2015 mendapati garisan putih telah pudar di hadapan kilang sawit seperti di **Gambar 2.6**. Didapati juga papan tanda yang baru dipasang rosak ditimpa pokok dan dihalang semak samun seperti di **Gambar 2.7**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.8**. Selain itu, antara kerja yang perlu dilaksanakan adalah memasang *mild steel post* sebanyak 440 meter dengan kos berjumlah RM49,456. Didapati Konsesi hanya memasang 400 meter *mild steel post* (2 meter per 200 *chevron*) yang berjumlah RM44,960. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR akan mengkaji kesesuaian cadangan penggunaan kaedah *road stud* bagi garisan jalan yang dilitupi tumpahan minyak/sisa. Manakala 40 meter *mild steel post* yang dituntut oleh pihak Konsesi adalah penggantian 2 unit cermin cembung yang dipasang di lokasi.**



**Gambar 2.6**  
**Garisan Jalan Baru Sudah Pudar Sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan Tamat**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 3.5, Jalan Charuk Putting – Selindang, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.7**  
**Papan Tanda *Chevron* Telah Rosak Semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan Tamat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 2.5, Jalan Charuk Putting – Selindang, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.8**  
**Papan Tanda *Chevron* Yang Telah Dibaiki**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 2.5, Jalan Charuk Putting – Selindang, Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

- iii. Kerja membaik pulih struktur tanah mendap dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Lubuk Pasu (Persimpangan Bukit Angin) Sek. 0.1 dengan nilai kontrak RM2,722,207 perlu disiapkan pada 01 Julai 2015. Bagaimana pun, Konsesi tidak dapat menyiapkan dalam tempoh tersebut dan telah memohon lanjutan masa sehingga 30 November 2015 dan telah diluluskan oleh JKR Negeri. Lawatan Audit pada 24 November 2015 mendapati tiada kerja dilakukan di tapak kerja dan anggaran peratus siap kerja adalah 22% seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, SLK asal berjumlah RM2 juta dikeluarkan atas dasar kecemasan banjir besar tanpa sebarang siasatan dijalankan dan juga reka bentuk terperinci. SLK berjumlah RM2.72 juta diluluskan beserta pindaan tarikh siap kerja 30 November 2015. Pihak Konsesi memohon lanjutan masa yang kedua sehingga 30 April 2016 kerana telah menghadapi masalah teknikal di tapak projek.**

**Gambar 2.9**

**Kelewatan Kemajuan Kerja Dan Tiada Kerja Dijalankan Di Lokasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 0.1, Jalan Lubuk Pasu,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

**Gambar 2.10**

**Tiada Kerja Dijalankan Di Lokasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 0.1, Jalan Lubuk Pasu,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

- iv. Kerja membaiki cerun runtuh termasuk membaiki struktur jalan rosak serta sistem saliran dan perabot jalan berkaitan di Laluan C108, Jalan Mentiga - Terapai Sek. 34.5-34.635 telah dilaksanakan pada Oktober 2014 dengan nilai kerja berjumlah RM1,989,809. Bagaimana pun cerun ini telah runtuh pada bulan Januari 2015. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2015 mendapati tiada sebarang tindakan diambil ke atas kegagalan Konsesi untuk membaiki semula cerun dalam tempoh tanggungan kecacatan seperti di **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, berdasarkan Laporan Forensic Consultant pembinaan cerun telah dilakukan mengikut prosedur serta kegagalan cerun berpunca daripada taburan hujan yang sangat tinggi dan luar kebiasaan. Kegagalan slip circle terjadi apabila berlaku gelinciran akibat air bawah tanah.**

**Gambar 2.11**  
**Cerun Runtuh Semula Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 3.45 – 34.635, Jalan Kuala Mentiga Terapai, Daerah Pekan Tarikh: 6 Oktober 2015

**Gambar 2.12**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 3.45 – 34.635, Jalan Kuala Mentiga Terapai, Daerah Pekan Tarikh: 6 Oktober 2015

- v. Kerja pelebaran jalan dan menggantikan pembentong baru di KM23.2 dan KM25.0 termasuk kerja-kerja pemberian di Jalan Ganchong - Pahang Tua - Lepar Sek.0.0-22.0 telah dilaksanakan pada bulan Disember 2014 dengan nilai kerja berjumlah RM838,291. Antara kerja perlu dilaksanakan oleh Konsesi adalah memasang 6 unit papan tanda berjumlah RM2,792. Lawatan Audit pada Oktober 2015 mendapati hanya 5 unit papan tanda telah dipasang yang berjumlah RM2,327 berdasarkan laporan bergambar seperti di **Gambar 2.13**. Didapati juga pemasangan 2 sticker daripada unit papan tanda tersebut kurang berkualiti seperti di **Gambar 2.15**. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, satu unit papan tanda chevron telah hilang semasa lawatan Audit dan tindakan telah diambil bagi memasang semula papan tanda yang hilang dan menukar sticker papan tanda yang kurang berkualiti seperti di Gambar 2.14 dan Gambar 2.16.**

**Gambar 2.13**  
**5 Papan Tanda Dipasang Berdasarkan Laporan Bergambar**



Sumber: JKR Daerah Pekan  
Lokasi: Seksyen 25 Laluan C106, Jalan Pahang Tua– Ganchong - Lepar, Daerah Pekan Tarikh: 06 Oktober 2015

**Gambar 2.14**  
**Pemasangan Semula Papan Tanda Yang Hilang**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 25 Laluan C106, Jalan Pahang Tua– Ganchong Lepar, Daerah Pekan Tarikh: 24 Januari 2016

**Gambar 2.15**  
Pemasangan Baru Papan Tanda  
Yang Kurang Berkualiti



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 25 Laluan C106, Jalan Pahang  
Tua– Ganchong Lepar, Daerah Pekan  
Tarikh: 06 Oktober 2015

**Gambar 2.16**  
Pemasangan Semula Sticker  
Yang Berkualiti



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 25 Laluan C106, Jalan Pahang  
Tua– Ganchong Lepar, Daerah Pekan  
Tarikh: 24 Januari 2016

- vi. Kerja menggantikan longkang dan membaru muka jalan serta kerja-kerja berkaitan di Laluan C144, Jalan Ulu Dong Sek.15.5-15.61 telah dilaksanakan pada Jun 2015 dengan nilai kerja berjumlah RM112,158. Semakan Audit mendapati kerja membaru muka jalan di lokasi tersebut telah dipindah ke lokasi lain iaitu di Jalan Bandar Raub dan mengecat jalan di Jalan Bukit Koman dan Jalan Mason tanpa kelulusan JKR Negeri seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, perubahan kerja ke lokasi lain disebabkan aduan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Raub dan keperluan semasa di tapak.**

**Gambar 2.17**  
Pindaan Lokasi Kerja  
Mengecat Baru Garisan Tengah Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Simpang Masuk Hospital Raub,  
Jalan Bukit Koman, Daerah Raub  
Tarikh: 20 Oktober 2015

**Gambar 2.18**  
Pindaan Lokasi Kerja Membaru muka  
Jalan Dan Mengecat Baru Garisan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Raub, Daerah Raub  
Tarikh: 20 Oktober 2015

Pada pendapat Audit, JKR perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan berkala oleh Konsesi bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi dan kerja yang dilaksanakan berkualiti.

#### **2.4.3.2. Tiada Kelulusan Lanjut Tempoh Masa Serta Tiada Tindakan Diambil Terhadap Kelewatan Menyiapkan Kerja Penyenggaraan Berkala**

- a. Klausula 14, syarat kontrak menetapkan Pengarah Projek (Pengarah JKR Negeri) hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada Syarikat Konsesi memaklumkan hasrat Kerajaan Negeri mengenakan amaun yang ditetapkan atau dengan kadar 0.018% daripada nilai kontrak sehari sekiranya gagal menyiapkan kerja pada tarikh yang sepatutnya siap atau dalam tempoh lanjutan masa diberikan sebelum Sijil Tidak Siap dikeluarkan.
- b. Semakan Audit terhadap 31 kerja penyenggaraan berkala bernilai RM36.49 juta di daerah Temerloh, Pekan dan Raub mendapati hanya 11 kerja disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan 20 kerja disiapkan dengan kelewatan melebihi 7 hingga 70 hari. Pemeriksaan lanjut mendapati tiada surat kelulusan Lanjut Tempoh Masa dikeluarkan oleh Pengarah JKR Negeri dan tiada tindakan diambil untuk kenakan denda bagi kerja penyenggaraan berkala yang lewat disiapkan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Tempoh Kelewatan Menyiapkan Kerja Penyenggaraan Berkala**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015**

Daerah	Masa Menyiapkan Kerja Penyenggaraan Berkala (Hari)					Amaun Kerja (RM Juta)
	Dalam Tempoh	7 - 20	21 - 60	> 61	Jumlah	
Temerloh	6	4	4	2	16	18.62
Pekan	1	0	8	0	9	12.36
Raub	4	1	1	0	6	5.51
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>5</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>31</b>	<b>36.49</b>

Sumber: JKR Negeri Pahang

- c. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, kerja-kerja yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan adalah disebabkan beberapa faktor seperti tempoh masa Surat Laksana Kerja yang kurang munasabah, kontraktor lewat memulakan kerja di tapak dan proses reka bentuk oleh perunding mengambil masa yang terlalu lama. Sehubungan itu, JKR Negeri akan mengeluarkan pekeliling untuk memaklumkan bahawa kelulusan EOT atau mengenakan LAD adalah di bawah bidang kuasa Jurutera Daerah sepenuhnya dan kelulusan ini diberi sekiranya pihak Konsesi mempunyai alasan yang kukuh atau mengenakan LAD jika sebaliknya.**

**Pada pendapat Audit, JKR perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap kelewatan menyiapkan kerja penyenggaraan berkala seperti yang ditetapkan dalam kontrak.**

#### **2.4.3.3. Kualiti Kerja Penyenggaraan Rutin**

- a. Penyenggaraan rutin adalah kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifat dan penentuan masa pembaikeannya, serta tidak membabitkan kelemahan struktur *pavement* jalan. Konsesi perlu melaksanakan 7 jenis kerja penyenggaraan yang melibatkan *pothole patching*, penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, perabot jalan, jambatan dan pembentung, pembersihan longkang dan pemeriksaan rutin.
- b. Pihak Audit telah menjalankan lawatan bersama Jurutera/Penolong Jurutera/Juruteknik JKR dan pihak Konsesi terhadap 13 lokasi jalan Negeri di 3 daerah yang dipilih iaitu Temerloh, Pekan dan Raub melibatkan jalan sepanjang 275.21 km. Didapati pencapaian prestasi kerja penyenggaraan rutin adalah baik kerana mencapai agregat dan pusingan kerja seperti yang ditetapkan kontrak. Bagaimana pun, pemeriksaan fizikal Audit mendapati kerja penyenggaraan rutin kurang memuaskan seperti berikut:
  - i. **Tiada Tindakan Diambil Terhadap Kegagalan Menampal Dan Membaiki Lubang (*Pothole Patching*)**
    - Para 1.1, *Item R01, Appendix C* kontrak menetapkan jumlah kuantiti agregat kerja *pothole patching* yang perlu dijalankan oleh Syarikat Konsesi adalah sehingga maksimum 1% daripada kawasan berturap setiap tahun. Para 1.3, *Item R01, Appendix C* pula menyatakan penalti akan dikenakan sejumlah RM500 selepas pihak JKR mengeluarkan notis peringatan yang ketiga sekiranya *pothole* yang sama tidak dibaiki dalam tempoh 72 jam.
    - Semakan Audit terhadap Daftar Log NCR bagi JKR Temerloh, Pekan dan Raub mendapat terdapat kerja *pothole patching* yang dilaksanakan oleh Konsesi melebihi tempoh 72 jam seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Didapati notis peringatan tidak dikeluarkan oleh JKR bagi setiap tempoh 24 jam. Setelah tamat tempoh tersebut, JKR juga tidak mengenakan sebarang penalti kepada Konsesi. Mengikut perkiraan Audit, penalti yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM16,500. Butiran lanjut berkaitan jumlah penalti yang sepatutnya dikenakan kepada Konsesi berkaitan kerja *pothole patching* seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Penalty Tidak Dikenakan Bagi Kerja Pothole Patching**  
**Yang Gagal Dilaksanakan Dalam Tempoh 72 Jam**

Daerah	Kadar Penalty (RM)	Bilangan Lubang	Jumlah (RM)
Temerloh	500.00	12	6,000.00
Pekan	500.00	5	2,500.00
Raub	500.00	16	8,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>	<b>16,500.00</b>

Sumber: JKR Daerah Temerloh, Pekan, Raub

- Selain itu, lawatan Audit mendapati beberapa lubang dan kerosakan pada permukaan jalan yang belum diambil tindakan oleh Konsesi seperti di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.21**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.22**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tok Muda Awang Ngah, Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Jalan Tok Muda Awang Ngah, Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 36, Laluan C123, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 36, Laluan C123, Jalan Teluk Ira – Rumpun Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

## ii. Penyenggaraan Perabot Jalan

- Item R04, Appendix C kontrak menyatakan bahawa Syarikat Konsesi hendaklah menyediakan semua tenaga kerja, alat, bahan kimia dan apa sahaja yang perlu untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan perabot jalan dengan satu kitaran setahun. Selain itu, kontrak juga menyatakan bahawa konsesi perlu membetulkan kedudukan perabot jalan yang teralih dari kedudukan asal yang tidak memerlukan pemberian atau penggantian.
- Pemeriksaan fizikal Audit mendapat terdapat perabot jalan yang teralih tidak dibetulkan kedudukannya dan pelekat pada papan tanda tidak dibuang seperti di **Gambar 2.23** dan **Gambar 2.25**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.24** dan **Gambar 2.26**.

**Gambar 2.23**  
Papan Tanda Condong Dan Terlindung



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Charuk Puting – Selendang,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.24**  
Kedudukan Papan Tanda  
Telah Dibetulkan



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Jalan Charuk Puting – Selendang,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

**Gambar 2.25**  
Pelekat Pada Chevron Tidak Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Simpang Teluk Ira – Rumpun Makmur,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.26**  
Pelekat Pada Chevron Telah Dibuang



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Simpang Teluk Ira – Rumpun Makmur,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

### iii. Penyenggaraan Longkang

- Item R06, Appendix C kontrak menyatakan Syarikat Konsesi hendaklah melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang seperti membersihkan lumpur, keladak, tumbuh-tumbuhan, daun dan batang pokok yang jatuh serta apa-apa halangan yang terdapat dalam longkang dan takungan dengan 2 kitaran setahun.
- Lawatan Audit ke beberapa lokasi longkang dan takungan mendapati longkang dipenuhi semak samun dan sampah sarap di dalam longkang seperti di **Gambar 2.27** dan **Gambar 2.29**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.30**.

**Gambar 2.27**  
**Longkang Yang Tidak Disenggarakan**  
**Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 25 Jalan Pahang Tua –  
Ganchong- Lepar, Daerah Pekan  
Tarikh: 06 Oktober 2015

**Gambar 2.28**  
**Longkang Yang Telah Disenggarakan**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 25, Jalan Pahang Tua –  
Ganchong - Lepar, Daerah Pekan  
Tarikh: 15 Januari 2016

**Gambar 2.29**  
**Sampah Sarap Di dalam Longkang**  
**Yang Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tok Muda Awang Ngah,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

**Gambar 2.30**  
**Sampah Sarap Di dalam Longkang**  
**Yang Telah Dibersihkan**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Jalan Tok Muda Awang Ngah,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 15 Januari 2016

Pada pendapat Audit, JKR perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan rutin oleh Konsesi bagi memastikan pelaksanaan kerja selaras dengan kontrak.

#### 2.4.3.4. Kerja Pengumpulan Maklumat Aset Belum Selesai

- a. *Appendix F*, syarat kontrak menyatakan antara kerja yang perlu dilaksanakan bagi skop kerja perkhidmatan pengurusan *pavement* ialah mengumpul maklumat, mengemas kini sejarah kerja penyenggaraan *pavement* dan menghantar laporan tahunan inventori jalan.
- b. Semakan Audit terhadap modul sistem yang digunakan iaitu YP-RAMS mendapati semua modul telah dikemas kini kecuali modul sejarah kerja penyenggaraan masih belum dikemas kini.
- c. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, Sistem YP-RAMS dilancarkan secara rasmi semasa mesyuarat yang telah diadakan pada 10 September 2015. Pihak Konsesi akan mengemas kini sejarah kerja penyenggaraan secepat mungkin secara berperingkat ke dalam sistem YP-RAMS.**

Pada pendapat Audit, JKR Negeri perlu memastikan kerja perkhidmatan penyenggaraan aset mencapai objektif dan digunakan secara optimum.

#### 2.4.3.5. Kerja-Kerja Penyenggaraan Yang Diperlukan Tidak Dilaksanakan

Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Konsesi telah mencadangkan sebanyak 196 kerja penyenggaraan berkala bernilai RM160.81 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 145 kerja bernilai RM122.68 juta telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri melibatkan kerja seperti menurap jalan, membaiki struktur jalan, membaiki cerun, mencantas dahan pokok, mengecat jalan, membaiki longkang, naik taraf pembentung dan jambatan. Lawatan Audit ke lokasi yang dipilih mendapati penyenggaraan perabot jalan kurang memuaskan.

##### a. Perabot Jalan

- i. Perabot jalan adalah objek atau kelengkapan yang dipasang untuk tujuan keselamatan, petunjuk destinasi dan jarak. Contoh perabot jalan adalah seperti papan tanda, *kerbs*, *flexipost*, *chevron*, *kilometer post*, *guardrail*, *roadbarrier* dan *road stud*. Tinjauan Audit pada Oktober dan November 2015 mendapati papan tanda, *kerb* dan *kilometer post* telah usang dan rosak perlu disenggara serta diganti seperti di **Gambar 2.31** hingga **Gambar 2.37** dan **Gambar 2.39**. Bagaimana pun, tindakan penyenggaraan perabot jalan yang boleh dibaiki telah diambil selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.38** dan **Gambar 2.40**.

**Gambar 2.31**  
**Kilometer Post Yang Rosak Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 3, Jalan Jenderak Loop,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.32**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 10, Jalan Ulu Dong,  
Daerah Raub  
Tarikh: 20 Oktober 2015

**Gambar 2.33**  
**Kilometer Post Yang Rosak Tidak Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 4, Jalan Jenderak Loop,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.34**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 34, Jalan Teluk Ira – Rumpun  
Makmur, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.35**  
**Papan Tanda Yang Rosak  
Tidak Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 2.5, Jalan Charuk Putting  
– Selindang, Daerah Temerloh  
Tarikh: 22 Oktober 2015

**Gambar 2.36**  
**Papan Tanda Amaran  
Yang Tertanggal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 0.1, Jalan Lubuk Pasu,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

**Gambar 2.37**  
**Papan Tanda Yang Tumbang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jambatan Kampung Bukit Pampong,  
Jalan Ulu Jelu, Daerah Raub  
Tarikh: 20 Oktober 2015

**Gambar 2.38**  
**Papan Tanda Yang Tumbang Telah Dibaiki**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Jambatan Kampung Bukit Pampong,  
Jalan Ulu Jelu, Daerah Raub  
Tarikh: 20 Oktober 2015

**Gambar 2.39**  
**Kerbs Yang Rosak Tidak Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Seksyen 1.3, Jalan Lubuk Pasu,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

**Gambar 2.40**  
**Kerbs Yang Rosak Telah Dibaiki**



Sumber: JKR Negeri Pahang  
Lokasi: Seksyen 1.3, Jalan Lubuk Pasu,  
Daerah Temerloh  
Tarikh: 24 November 2015

- b. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, sepanjang 3 tahun kontrak ini berjalan, fokus utama yang diberikan adalah kepada pembaikan pavement jalan dan cerun runtuh terlebih dahulu. Kerja-kerja yang dilaksanakan akan mengikut keutamaan disebabkan kekangan peruntukan.**

Pada pendapat Audit, JKR Negeri perlu mempertimbangkan untuk meluluskan kerja penyenggaraan perabot jalan yang perlu diganti dan dibaiki bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

## 2.4.4. Pembayaran Tidak Mematuhi Syarat Dan Kadar Harga Kontrak Serta Kelewatan Pembayaran Kepada Konsesi

### 2.4.4.1. Item Kontrak Terlebih Bayar

#### a. Item Pembayaran Kerja Penyenggaraan Kecemasan

- i. Para 2.1, *Appendix E* syarat kontrak, menetapkan bayaran kerja penyenggaraan kecemasan dikira berdasarkan jadual kadar *Appendix G* dalam kontrak. *Preamble Appendix G*, perjanjian kontrak pula menetapkan tuntutan upah tenaga kerja dibayar berdasarkan jam kerja sebenar dan tuntutan sewaan peralatan/mesin dibayar dengan kadar kos sewaan per hari.
- ii. Semakan Audit terhadap 15 pembayaran kerja kecemasan berjumlah RM0.75 juta mendapati, pematuhan jadual kadar adalah baik kecuali pembayaran 2 item iaitu sewaan peralatan/mesin dan upah tenaga kerja. Didapati kadar tuntutan upah tenaga kerja terlebih bayar berjumlah RM23,296.37 kerana tidak mengikut kadar per jam mengikut ketetapan kontrak seperti di **Jadual 2.6**.
- iii. Selain itu, didapati tuntutan sewaan peralatan/mesin dituntut melebihi sekali dalam satu hari manakala item *cone, reflective string delineator* telah terlebih bayar iaitu berjumlah RM23,768.30 dan tuntutan kurang dibayar berjumlah RM6,685.20 kerana tidak mematuhi kadar yang ditetapkan dengan kadar kos sewaan per hari seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Item Kontrak Yang Terlebih Dan Terkurang Bayar**  
**Kerja Penyenggaraan Kecemasan Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015**

Bil.	Daerah	Upah Terlebih Bayar (RM)	Sewaan Peralatan/ Mesin Terlebih Bayar (RM)	Sewaan Peralatan/Mesin Terkurang Bayar (RM)
1.	Temerloh	1,106.20	7.20	-
2.	Pekan	690.00	563.00	-
3.	Raub	20,025.93	23,158.20	-
4.	Kuantan	166.00	5.30	-
5.	Maran	303.74	-	-
6.	Rompin	215.63	2.30	(336.50)
7.	Bera	788.87	8.50	
8.	Jerantut	-	2.00	(6,109.70)
9.	Bentong	-	0.80	-
10.	Lipis	-	19.60	-
11.	Cameron Highlands	-	1.40	(239.00)
<b>Jumlah</b>		<b>23,296.37</b>	<b>23,768.30</b>	<b>(6,685.20)</b>

Sumber: JKR Negeri Pahang

- iv. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, tindakan penambahbaikan prosedur akan diambil dan dilaksanakan bagi memastikan tuntutan kadar upah dan sewaan mematuhi kontrak.
- b. Tiada Tolakan Ke Atas Pembayaran Kerja Penyenggaraan Rutin Semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan Bagi Kerja Pembayaran Berkala
- i. Klaus 20.6, syarat kontrak menetapkan bayaran bagi kerja-kerja menampal lubang perlu ditolak semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Kerja Penyenggaraan Berkala untuk mengelakkan pertindihan bayaran.
  - ii. Semakan Audit terhadap pembayaran penyenggaraan sehingga Oktober 2015, mendapati tiada sebarang tolakan dibuat ke atas pembayaran kerja rutin iaitu *pothole patching* (R01) semasa tempoh tanggungan kecacatan bagi pembayaran kerja berkala melibatkan kesemua 15 kerja *pavement* dengan kaedah *Cold-In-Place Recycling* (CIPR) di seluruh Negeri Pahang sepanjang 65.6 km berjumlah RM368,771 seperti di **Jadual 2.7**. Manakala 16 sampel kerja *pavement* menggunakan kaedah selain CIPR melibatkan panjang jalan 29.44 km bagi daerah Temerloh, Pekan dan Raub, tiada sebarang tolakan dibuat ke atas pembayaran kerja penyenggaraan rutin iaitu *pothole patching* berjumlah RM189,649.60 seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.7**

**Tiada Tolakan Ke Atas Pembayaran Kerja Penyenggaraan Rutin Semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan Bagi Kerja Pembayaran Berkala Pavement Menggunakan Kaedah CIPR Bagi Tahun 2013 Hingga Oktober 2015**

Tahun	Panjang Kilometer (KM) Jalan Yang Dibaiki Dengan Menggunakan Kaedah CIPR							
	2013		2014		2015		Jumlah	
Daerah	(KM)	Amaun (RM)	(KM)	Amaun (RM)	(KM)	Amaun (RM)	(KM)	Amaun (RM)
Temerloh	-	-	8.5	55,486.98	4	11,967.78	12.5	67,454.76
Pekan	-	-	6.9	45,042.37	-	-	6.9	45,042.37
Raub	-	-	5.3	34,597.76	-	-	5.3	34,597.76
Bentong	10.8	70,501.10	12.3	80,292.92	-	-	23.1	150,794.02
Rompin	-	-	4	26,111.52	1.3	4,243.12	5.3	30,354.64
Jerantut	-	-	4	26,111.52	2.5	1,359.98	6.5	27,471.50
Lipis	-	-	-	-	6	13,055.76	6	13,055.76
<b>Jumlah</b>	<b>10.8</b>	<b>70,501.10</b>	<b>41</b>	<b>267,643.07</b>	<b>13.8</b>	<b>30,626.64</b>	<b>65.6</b>	<b>368,770.81</b>

Sumber: JKR Negeri Pahang

Jadual 2.8

Tiada Tolakan Ke Atas Pembayaran Kerja Penyenggaraan Rutin Semasa Tempoh Tanggung Kecacatan Bagi Kerja Pembayaran Berkala *Pavement* Selain Menggunakan Kaedah CIPR Bagi Tahun 2013 Hingga Oktober 2015

Daerah	Panjang Kilometer (KM) Jalan Yang Dibaiki	
	(KM)	Amaun (RM)
Temerloh	23.47	152,824.20
Pekan	5.07	31,534.88
Raub	0.90	5,290.52
<b>Jumlah</b>	<b>29.44</b>	<b>189,649.60</b>

Sumber: JKR Daerah Temerloh, Pekan & Raub

- iii. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR dalam proses semakan dan akan membuat penyelesaian semula dengan anggaran tolakan berjumlah RM0.76 juta ke atas pembayaran kerja rutin iaitu *pothole patching* yang melibatkan kerja *pavement* sepanjang 130.29 km jalan di semua daerah.

Pada pendapat Audit, kegagalan mematuhi syarat dan Jadual Kadar Harga kontrak akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

#### 2.4.4.2. Tempoh Kelewatan Pembayaran Kepada Konsesi

- a. Klaus 20, syarat kontrak menetapkan bayaran kerja penyenggaraan perlu dibayar dalam tempoh 30 hari selepas kerja disiapkan.
- b. Semakan Audit terhadap 28 pembayaran kerja penyenggaraan berkala berjumlah RM33.76 juta di daerah Temerloh, Pekan dan Raub mendapati, 12 pembayaran dibuat dalam tempoh 30 hari, 7 pembayaran dibuat dalam tempoh 31 hingga 60 hari, 6 pembayaran dibuat dalam tempoh 61 hingga 90 hari dan 3 pembayaran dibuat dalam tempoh 91 hingga 128 hari. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.9**.
- c. Semakan Audit terhadap 69 tuntutan bayaran penyenggaraan rutin melibatkan 55 baucar bayaran berjumlah RM22.08 juta di daerah Temerloh, Pekan dan Raub mendapati hanya 4 tuntutan yang dibayar dalam tempoh kurang daripada 30 hari. Manakala 40 tuntutan bayaran dibuat dalam tempoh 31 hingga 60 hari, 22 tuntutan bayaran dalam tempoh 61 hingga 90 dan selebihnya sebanyak 3 tuntutan bayaran lagi disediakan dalam tempoh 91 hingga 108 hari. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.9**.
- d. Semakan Audit terhadap 114 pembayaran tuntutan kerja kecemasan melibatkan 15 baucar bayaran berjumlah RM0.41 juta di daerah Temerloh, Pekan dan Raub mendapati, 42 tuntutan bayaran dibuat dalam tempoh 61 hingga 90 hari dan 72 tuntutan bayaran dibuat dalam tempoh 91 hingga 209 hari. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Tempoh Kelewatian Masa Pembayaran Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015**

Daerah	Bilangan Sampel Pembayaran Mengikut Tempoh Masa (Hari)					Amaun Pembayaran (RM Juta)
	1 - 30	31 - 60	61 - 90	> 91	Jumlah	
<b>Kerja Penyenggaraan Berkala</b>						
Temerloh	6	2	6	1	15	15.58
Pekan	3	4	-	2	9	12.61
Raub	3	1	-	-	4	5.57
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>28</b>	<b>33.76</b>
<b>Kerja Penyenggaraan Rutin</b>						
Temerloh	1	11	10	1	23	6.89
Pekan	1	13	8	1	23	9.41
Raub	2	16	4	1	23	5.78
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>40</b>	<b>22</b>	<b>3</b>	<b>69</b>	<b>22.08</b>
<b>Kerja Penyenggaraan Kecemasan</b>						
Temerloh	-	-	4	13	17	0.20
Pekan	-	-	4	7	11	0.20
Raub	-	-	34	52	86	0.01
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>42</b>	<b>72</b>	<b>114</b>	<b>0.41</b>

Sumber: JKR Negeri Pahang

- e. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR Negeri mencadangkan untuk meminda klaus 20.2 kontrak bagi tempoh bayaran 30 hari selepas tarikh penerimaan dokumen sokongan kerja penyenggaraan berkala yang lengkap dan sempurna. Selain itu, JKR mengambil maklum dan akan memperkemaskan prosedur pembayaran bagi mematuhi tempoh pembayaran.

Pada pendapat Audit, JKR tidak dapat mematuhi sepenuhnya syarat tempoh pembayaran kerja penyenggaraan dengan kelewatian antara 31 hari hingga 209 hari.

#### 2.4.4.3. Bayaran Kerja Penyenggaraan Rutin Tidak Mendapat Kelulusan

- a. Appendix C1, syarat kontrak menyatakan bahawa bayaran yang dipersetujui penyenggaraan rutin yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada Syarikat Konsesi mengikut kontrak ini hendaklah dilakukan pada kadar berdasarkan panjang jalan negeri dalam kawasan kontrak itu pada tarikh milikan.
- b. Didapati tuntutan bayaran penyenggaraan rutin bagi 11 daerah di Negeri Pahang terdapat perbezaan di antara panjang kilometer yang diluluskan dalam kontrak dengan yang dituntut oleh Konsesi bagi 4 daerah iaitu Pekan, Maran, Bera dan Kuantan. Semakan selanjutnya mendapati panjang kilometer yang dituntut Konsesi bagi 4 daerah tersebut melebihi panjang kilometer yang ditetapkan dalam kontrak. Sehingga Jun 2015, jumlah tuntutan yang dituntut oleh Konsesi yang melebihi panjang kilometer yang ditetapkan dalam kontrak bagi 4 daerah tersebut mengikut perkiraan Audit adalah berjumlah RM369,544.76 seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
**Bayaran Penyenggaraan Rutin Melibatkan Tambahan Jalan Yang Masih Belum Diluluskan**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015**

Bil.	Daerah	Kontrak (KM)	Tuntutan (KM)	Tahun			Jumlah (RM)
				2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	
1.	Pekan	265.815	272.420/ 273.620	18,166.39	-	-	18,166.39
2.	Maran	170.517	177.297	23,451.11	123,241.28	19,732.60	166,424.99
3.	Bera	79.800	83.000	12,932.90	54,273.23	27,897.81	95,103.94
4.	Kuantan	119.130	123.520/ 124.920	-	51,519.40	38,330.04	89,849.44
<b>Jumlah</b>				<b>54,550.40</b>	<b>229,033.91</b>	<b>85,960.45</b>	<b>369,544.76</b>

Sumber : JKR Negeri Pahang

- c. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, panjang jalan yang disenggara oleh pihak Konsesi melebihi daripada panjang kilometer yang terdapat di dalam kontrak bagi 4 daerah tersebut disebabkan terdapat jalan-jalan yang telah ditambah dan ada juga jalan-jalan yang dikeluarkan daripada had penyenggaraan pihak Konsesi. Penyelarasian panjang jalan akan dibuat dengan mengambil kira pengukuran menggunakan GPS (*Global Positioning System*) dan keperluan terkini di daerah.**

Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan panjang jalan dalam kontrak diperbaharui mengikut penyelarasan panjang jalan sebenar yang perlu dibuat penyenggaraan bagi setiap daerah.

#### 2.4.5. Tindakan Terhadap Aduan Pengguna Dan Kejadian Kecemasan

**2.4.5.1.** Piagam pelanggan agensi pelaksana menetapkan tindakan hendaklah diambil terhadap aduan pengguna dan kejadian kecemasan. JKR Malaysia menghendaki semua Negeri termasuk daerah menggunakan pakai piagam pelanggan JKR yang standard iaitu memberi maklum balas terhadap aduan pengguna dalam tempoh 7 hari dan penutupan aduan dalam 2 bulan (60 hari). Bagi kejadian lubang (*pothole*), pemberian hendaklah dilaksanakan tidak melebihi 24 jam setelah aduan diterima. Manakala kejadian yang mengganggu lalu lintas atau keselamatan awam seperti pokok tumbang atau tanah runtuh, ia hendaklah diambil tindakan tidak melebihi 24 jam setelah dikenal pasti atau aduan diterima.

**2.4.5.2.** Semakan Audit terhadap Daftar Maklum Balas Pelanggan mendapati, Konsesi telah mendaftarkan 421 aduan awam bagi 3 daerah yang dipilih yang diterima melalui aduan awam, surat khabar, surat, e-mel, panggilan telefon, dan pesanan ringkas telefon. Pada tahun 2013, didapati tiada aduan didaftarkan oleh Konsesi bagi daerah Temerloh dan hanya satu aduan didaftarkan bagi daerah Pekan.

**2.4.5.3.** Analisis Audit terhadap 421 aduan yang diterima bagi tempoh Ogos 2013 hingga September 2015 di 3 daerah yang dipilih menunjukkan aduan yang diterima merupakan aduan yang berkaitan dengan kerja rutin, kecemasan dan *pothole*. Sebanyak 392 aduan atau 93.11% daripada jumlah aduan tersebut diselesaikan dalam tempoh piagam pelanggan dan 29 aduan atau 6.89% aduan lewat diselesaikan melebihi tempoh piagam pelanggan dengan kelewatan antara 2 hingga 140 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.11**  
**Prestasi Penyelesaian Aduan Pengguna Dan Kejadian Kecemasan**  
**Bagi Tempoh Ogos 2013 Hingga September 2015**

JKR Daerah	Jenis Aduan	Bil. Aduan Diterima	Prestasi Penyelesaian			
			Bil. Aduan	(%)	Bil. Aduan	(%)
Temerloh	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 60 Hari</b>	<b>Lebih 60 Hari</b>	
	Kerja Rutin	54	52	96.3	2	3.7
	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 24 Jam</b>	<b>Lebih 24 Jam</b>	
Pekan	Kejadian Kecemasan/ <i>Pothole</i>	38	20	52.63	18	47.37
	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 60 Hari</b>	<b>Lebih 60 Hari</b>	
	Kerja Rutin	14	13	92.86	1	7.14
Raub	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 24 Jam</b>	<b>Lebih 24 Jam</b>	
	Kejadian Kecemasan/ <i>Pothole</i>	9	8	87.5	1	12.5
	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 60 Hari</b>	<b>Lebih 60 Hari</b>	
	Kerja Rutin	21	21	100	-	-
	<b>Tempoh Masa</b>			<b>Kurang 24 Jam</b>	<b>Lebih 24 Jam</b>	
	Kejadian Kecemasan/ <i>Pothole</i>	285	278	100	7	2.46
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>421</b>	<b>392</b>	<b>93.11</b>	<b>29</b>	<b>6.89</b>

Sumber: JKR Daerah Temerloh, Pekan Dan Raub

**2.4.5.4. Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR mengambil maklum dan penambahbaikan akan dilaksanakan.**

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian aduan pengguna dan kejadian kecemasan adalah baik iaitu 93.11% dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan itu, JKR perlu meningkatkan pemantauan penyelesaian aduan untuk mencapai sasaran piagam sepenuhnya.

## 2.4.6. Pemantauan

### 2.4.6.1. Pemantauan Oleh Pihak JKR

- a. Klaus 9.3.2, syarat kontrak menetapkan Syarikat Konsesi perlu menghantar laporan bulanan kemajuan kerja rutin, kerja berkala dan perkhidmatan pengurusan aset pada minggu pertama bulan berikutnya. Selain itu, JKR Negeri Pahang telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi bagi menzahirkan produk sebagaimana dasar dan objektif kualiti dan memenuhi syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

- b. Didapati rekod Pemeriksaan Laporan Lawatan, Permohonan Untuk Pemeriksaan Penyenggaraan serta Laporan Harian Inspektor Rutin yang menunjukkan pemeriksaan kerja penyenggaraan rutin dibuat bersama pihak JKR Daerah tidak diselenggarakan dan hanya mengeluarkan *Non Compliance Report* (NCR) kepada Konsesi bagi daerah Temerloh dan Pekan. Manakala JKR Daerah Raub ada menyelenggarakan rekod pemeriksaan tersebut seperti yang ditetapkan oleh Prosedur Penyeliaan Rutin.
- c. Pihak Audit juga mendapati tiada laporan pemantauan disediakan bagi perkhidmatan penyenggaraan aset yang menunjukkan pemeriksaan telah dibuat bersama pihak JKR Daerah Temerloh, Pekan dan Raub. Selain itu, laporan bulanan pelaksanaan program perkhidmatan penyenggaraan aset tidak dikemukakan pada setiap bulan dan hanya dikemukakan sekali setahun semasa tuntutan bayaran kepada JKR Negeri.
- d. **Maklum balas daripada JKR Negeri Pahang bertarikh 28 Januari 2016 menjelaskan, JKR akan memastikan penggunaan borang Standard Operation Procedure dipatuhi serta tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan dilaksanakan. JKR Negeri juga akan memastikan pemantauan secara bulanan untuk kerja-kerja perkhidmatan penyenggaraan aset akan dibuat.**

**Pada pendapat Audit, JKR dan Syarikat Konsesi perlu merekodkan dengan lengkap aktiviti pemantauan semua kerja penyenggaraan yang dilaksanakan.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan penyenggaraan jalan Negeri oleh Syarikat Konsesi, pihak Audit mengesyorkan pihak JKR mengambil tindakan berikut :

- 2.5.1.** Memastikan Syarikat Konsesi menggunakan sepenuhnya peruntukan tahunan yang diluluskan untuk kerja-kerja penyenggaraan yang perlu.
- 2.5.2.** Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh Syarikat Konsesi dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian dengan meningkatkan kekerapan lawatan berkala.

## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

### 3. PENGURUSAN PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang (JPS) bertanggungjawab untuk menyedia dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang perlu bagi pembangunan, pengurusan serta pengawalan teratur sumber air negeri untuk kemajuan pengairan dan saliran. Bagi mencapai matlamat tersebut, JPS menjalankan fungsi antaranya pengurusan lembangan sungai dan zon pantai, pengurusan sumber air dan hidrologi, Projek Khas, Saliran Mesra Alam dan pengurusan banjir. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah satu program fizikal untuk mengurangkan masalah banjir. Komponen utama RTB adalah seperti kawasan tadahan, kolam takungan, empangan, kolam banjir, pintu air, ampang jajar dan ban.

**3.1.2.** JPS telah mengambil kira pendekatan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu dan Pengurusan Banjir Bersepadu bagi rancangan pengurusan banjir. Ini akan memberikan pendekatan yang lebih seimbang antara langkah-langkah struktur dan bukan struktur serta tahap penyertaan masyarakat yang lebih tinggi. Antara langkah-langkah struktur yang dilaksanakan JPS seperti pembinaan empangan tebatan banjir, kolam takungan, lengcongan, melindungi tebing dan pembinaan ban di tebing sungai. Manakala langkah-langkah bukan struktur seperti kajian lembangan sungai, penyediaan Pelan Induk Saliran Bandar, sistem ramalan dan amaran banjir dan kawalan pembangunan. Ia adalah untuk memastikan pengurangan jumlah bilangan penduduk atau kawasan yang terjejas akibat banjir, mengatasi dan mengurangkan masalah kerosakan akibat banjir, melindungi harta dan nyawa serta mewujudkan persekitaran yang selesa untuk pembangunan ekonomi dan sosial.

**3.1.3.** Lembangan Sungai Pahang mempunyai keluasan kawasan tadahan air seluas 45,893 kilometer persegi seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Keluasan Lembangan Sungai Di Pahang**

Bil.	Nama Lembangan	Keluasan (km <sup>2</sup> )
1.	Sungai Pahang	29,300
2.	Sungai Endau/Bebar	6,635
3.	Sungai Rompin	4,285
4.	Sungai Kuantan	2,025
5.	Sungai Mercung	1,746
6.	Sungai Penur	1,252
7.	Sungai Pontian	345
8.	Sungai Air Putih/Balok	163
9.	Sungai Cherating	142
<b>Jumlah</b>		<b>45,893</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

**3.1.4.** Di bawah Rancangan Malaysia Ke10 (RMKe-10), sejumlah RM249 juta diperuntukkan untuk Program Rancangan Tebatan Banjir (Persekutuan) dan sejumlah RM237.82 juta telah dibelanjakan. Manakala peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah berjumlah RM4.57 juta dan perbelanjaan sebenar berjumlah RM4.54 juta. Butiran lanjut agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Daripada Kerajaan Persekutuan Dan Negeri**  
**Bagi Projek RTB Bagi Tempoh 2011 Hingga 2015**

Tahun	Persekutuan			Negeri		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2011	52.30	52.15	99.7	0.83	0.83	100.0
2012	32.80	32.79	99.9	0.74	0.73	98.6
2013	16.80	15.23	90.7	1.00	1.00	100.0
2014	57.93	48.87	84.4	1.00	0.99	99.0
2015	89.17	88.78	99.6	1.00	0.99	99.0
<b>Jumlah</b>	<b>249.00</b>	<b>237.82</b>	<b>95.5</b>	<b>4.57</b>	<b>4.54</b>	<b>99.3</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek Rancangan Tebatan Banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan projek RTB bagi tempoh 2011 hingga 2015. Pengauditan dilaksanakan di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang dan di 5 buah daerah iaitu Kuantan, Pekan, Cameron Highlands, Bera dan Raub. Kaedah pengauditan adalah menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen bagi projek RTB. Selain itu, lawatan Audit dilaksanakan di 17 projek di bawah RMKe-10 dan temu bual dengan pegawai JPS dijalankan bagi mendapat penjelasan lanjut terhadap penemuan Audit. *Exit Conference* bersama Pengarah JPS Negeri Pahang, Jurutera JPS Daerah, pegawai Bahagian Pengauditan Air, wakil Ketua Audit Dalam Setiausaha Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai berkaitan telah diadakan pada 18 Februari 2016.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati perancangan projek RTB Negeri Pahang adalah baik termasuk sistem ramalan dan amaran banjir yang disediakan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pengurusan bagi 2 daripada 3 projek dalam pembinaan atau 66.7% adalah kurang memuaskan.
- Pengurusan bagi 4 daripada 14 projek yang telah siap dibina atau 28.6% adalah kurang memuaskan.
- Penyenggaraan bagi 8 daripada 14 projek RTB atau 57.1% tidak dilaksanakan secara berkala.

### **3.4.1. Pengurusan Projek RTB**

**3.4.1.1.** Projek-projek yang dilaksanakan oleh JPS telah dibuat sama ada secara tender terbuka, sebut harga dan rundingan terus. JPS melantik Pegawai Penguasa untuk memantau projek dengan mengadakan mesyuarat tapak, lawatan tapak dan mengemukakan laporan kemajuan projek. Prestasi projek dapat dinilai daripada tempoh kerja siap sebenar, pematuhan spesifikasi kerja dan pencapaian terhadap sasaran yang ditetapkan. Pelaksanaan projek RTB dibuat secara *rolling plan* setiap 2 tahun berdasarkan Rancangan Pembangunan untuk 5 tahun.

**3.4.1.2.** Bagi tempoh 2011 hingga 2015, sebanyak 110 projek RTB Negeri dengan peruntukan berjumlah RM4.57 juta dan 677 projek RTB Persekutuan dengan peruntukan berjumlah RM249 juta telah dilaksanakan. Analisis Audit mendapati bagi projek RTB Negeri sejumlah RM1 juta telah dibelanjakan setiap tahun dengan jumlah bilangan projek antara 12 hingga 37 setahun. Manakala, bagi projek RTB Persekutuan sejumlah RM237.82 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 5 tahun dengan jumlah bilangan projek antara 6 hingga 569. Jumlah projek yang banyak dilaksanakan pada tahun 2011 adalah kerana melibatkan projek-projek berskala kecil yang berjumlah RM23.79 juta bagi 566 projek. Manakala pada tahun 2015, terdapat 6 projek sahaja yang dilaksanakan kerana ia melibatkan projek berskala besar. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Bilangan Dan Peruntukan Projek RTB Negeri Dan RTB Persekutuan**  
**Bagi Tempoh 2011 Hingga 2015**

Tahun	Negeri		Persekutuan	
	Bilangan Projek	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Projek	Jumlah (RM Juta)
2011	14	0.83	569	52.30
2012	12	0.74	51	32.80
2013	37	1.00	42	16.80
2014	25	1.00	9	57.93
2015	22	1.00	6	89.17
<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>4.57</b>	<b>677</b>	<b>249.00</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

**3.4.1.3.** Lawatan Audit terhadap 17 projek RTB telah dilaksanakan bagi memastikan setiap komponen projek RTB mencapai objektif yang ditetapkan. Ia melibatkan sebanyak 13 projek RTB di bawah peruntukan Persekutuan dan 4 projek RTB di bawah peruntukan Negeri. Tujuh projek dilaksanakan di bawah RTB Kuantan, 5 projek di bawah RTB Pekan,

satu projek di bawah RTB Cameron Highlands serta 2 projek masing-masing di bawah RTB Bera dan RTB Raub. Sehingga Disember 2015, sebanyak 10 projek Persekutuan telah disiapkan dan 3 projek masih dalam pembinaan. Tarikh penyiapan asal bagi 13 projek Persekutuan yang diaudit adalah antara 2 bulan hingga 18 bulan. Manakala bagi projek Negeri pula telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tempoh siap sebenar yang diambil bagi projek Persekutuan adalah antara 4 bulan hingga 20 bulan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.4**. Semakan Audit selanjutnya mendapati lanjutan masa (EOT) telah diberikan pada kontraktor antara 1 hingga 5 EOT. Kesemua projek didapati menghadapi masalah kemajuan pelaksanaan antaranya keadaan cuaca, kerja-kerja tambahan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kelewatan pembekal serta masalah proses pengambilan balik tanah.

**Jadual 3.4**  
**Prestasi Projek Sehingga Disember 2015**

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Mula	Tarikh Siap Sepatutnya	Tarikh Siap Sebenar
<b>RTB Kuantan</b>					
1.	Projek menaik taraf kolam takungan di Taman Pelindung serta lain-lain kerja berkaitan Kuantan	1.7	09.09.2013	08.09.2014 (12 Bulan)	02.09.2014 (12 Bulan)
2.	Projek membina dan menstabilkan ban tanah bagi CH 4750 hingga CH 4820 dan CH 2360 hingga CH 2380 serta lain-lain kerja yang berkaitan di Sungai Isap, Kuantan	0.37	30.12.2013	26.02.2014 (2 Bulan)	26.04.2014 (4 Bulan)
3.	Membina & menyiapkan kerja-kerja menaik taraf rumah pam Sungai Isap dan lain-lain kerja berkaitan	0.41	13.03.2014	12.09.2014 (6 Bulan)	25.11.2014 (8 Bulan)
4.	Membina dan menyiapkan kerja-kerja menaik taraf rumah pam Sungai Damai dan lain-lain kerja berkaitan	0.51	13.03.2014	12.09.2014 (6 Bulan)	03.03.2015 (12 Bulan)
5.	Cadangan pembinaan struktur kawalan banjir serta lain-lain kerja berkaitan di parit, Kg. Razali di bawah RTB Bandar Kuantan	7.9	15.05.2014	14.05.2015 (12 Bulan)	Dalam Pembinaan (88.11%)
6.	Membekal & memasang dan menguji terima dan mentauliah 2 unit pam selam hidraulik jenis kanopi akustik dan peralatan berkaitan di rumah pam Sungai Isap Damai	0.8	29.05.2014	28.11.2014 (6 Bulan)	15.01.2015 (8 Bulan)
7.	Menaik taraf pembetungan utama sistem saliran dan kerja berkaitan di persimpangan Jalan Tun Ismail Kuantan Pahang	8.85	02.06.2014	16.06.2015 (12 Bulan)	15.09.2015 (15 Bulan)
<b>RTB Pekan</b>					
1.	Projek RTB Bandar Pekan Parcel 1 Fasa 1 – Kerja-kerja pembinaan Ban Barat, Ban Selatan, Parit Utama, Struktur Kawalan Sungai Mat Dulang dan kerja-kerja berkaitan	18.34	22.03.2011	21.09.2012 (18 Bulan)	26.11.2012 (20 Bulan)
2.	Projek RTB Bandar Pekan Parcel 1 Fasa 1 – Kerja-kerja pembaikan saluran Sungai Parit, Parit Timur, Penyambung Sungai Air Hitam dan kerja-kerja berkaitan	22.57	22.03.2011	21.09.2012 (18 Bulan)	02.11.2012 (19 Bulan)

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Mula	Tarikh Siap Sepatutnya	Tarikh Siap Sebenar
3.	Projek RTB Bandar Pekan <i>Parcel 1</i> Fasa 1 - Kerja Menaik Taraf Saluran Sungai Parit dari CH 0 – CH 2100 dan kerja-kerja berkaitan	6.21	09.06.2011	08.06.2012 (12 Bulan)	10.11.2012 (17 Bulan)
4.	Kerja mempertingkatkan sistem saliran Sungai Belibis serta kerja berkaitan di bawah RTB Bandar Pekan	17.13	05.09.2013	04.12.2014 (15 Bulan)	Dalam pembinaan (97.0%)
5.	Projek membina struktur kawalan tebing Sungai Parit dan kerja-kerja berkaitan di bawah RTB Pekan	6.82	19.08.2013	18.08.2014 (12 Bulan)	04.08.2014 (12 Bulan)
<b>RTB Cameron Highlands</b>					
1.	Projek melebar dan mendalamkan Sungai Bertam Di Pekan Lembah Bertam	30.85	21.11.2014	20.11.2015	Dalam pembinaan (55.6%)
<b>RTB Bera</b>					
1.	Kerja-kerja melebar, mendalam dan memperelokkan saliran utama dari Kg. Kerayung ke Kg. Paya Pagar bagi tebatan banjir serta kerja berkaitan Daerah Bera	0.18	06.11.2014	28.11.2014	28.11.2014
2.	Kerja-kerja mendalam dan melebarkan saliran untuk tebatan banjir dan lain-lain kerja di Felda Tementi dan Rentam, Mukim Bera	0.54	28.03.2013	24.05.2013	17.05.2013
<b>RTB Raub</b>					
1.	Kerja-kerja mengorek dan memperelokkan aliran Sungai Gali dari jambatan laluan 8 Kg. Gali Tengah ke Kuala Gali serta kerja-kerja berkaitan Mukim Gali Daerah Raub	0.82	08.05.2015	17.07.2015	30.06.2015
2.	Kerja-kerja menaik taraf kolam takungan banjir Kg. Tersang Mukim Batu Talam	0.49	18.03.2013	16.05.2013	03.05.2013

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran


#### 3.4.1.4. Prestasi Projek Dalam Pembinaan

Lawatan Audit telah dilaksanakan ke 3 buah projek yang dalam pembinaan di bawah RTB Kuantan, Pekan dan Cameron Highlands. Pemeriksaan Audit di 2 daripada 3 projek yang dilawati mendapat perkara seperti berikut:

##### a. Projek Melebarkan Dan Mendalamkan Sungai Bertam Di Cameron Highlands

- i. Projek RTB ini merangkumi pembinaan koridor sungai sepanjang 1.9km, menaik taraf 5 buah jambatan dan membina sistem amaran banjir. Tarikh milik tapak ialah pada 21 November 2014 dan tarikh patut siap pada 20 November 2015 dengan kos projek berjumlah RM30.8 juta. Objektif projek adalah mendalam dan melebarkan Sungai Bertam dengan meningkatkan kapasiti sungai daripada 5.0m<sup>3</sup>/s kepada 220m<sup>3</sup>/s supaya dapat menampung kadar ulangan banjir 100 tahun (100 ARI) bagi lembangan Sungai Bertam. Selain itu, projek diharap dapat meningkatkan tahap keselamatan daripada risiko banjir dan melindungi nyawa penduduk dan kemasuhan harta benda dan infrastruktur awam.

- ii. Semakan Audit mendapati sehingga Oktober 2015, prestasi siap projek adalah 55.6%. Projek ini telah mendahului jadual siap sepatutnya sebanyak 3.4% dengan perbelanjaan sejumlah RM13.37 juta. Bagaimanapun, sebanyak 1 EOT dengan tempoh 182 hari telah dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 dan tarikh siap yang diluluskan adalah sehingga 20 Mei 2016. Antara sebab EOT ialah pengambilan balik tanah sebanyak 7 lot yang melibatkan kos berjumlah RM1.72 juta dan selesai sepenuhnya pada 10 Julai 2015.
- iii. Berdasarkan Pelan Pengurusan Alam Sekitar/*Environment Management Plan* (EMP) yang selaras dengan Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, adalah mengambil kira pelan kawalan terhadap kelodak, hakisan tanah, pelupusan bahan buangan, pencemaran air, bunyi, pencemaran udara dan sebagainya. Dalam EMP yang disediakan untuk RTB Lembah Bertam, tumpuan utama diberikan terhadap pengawalan kelodak yang ketara. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati kemudahan perangkap kelodak di tapak tidak disediakan mengikut lukisan pelan seperti di **Gambar 3.1**.



**Gambar 3.1**  
**Lokasi Kemudahan Perangkap Kelodak Di Dalam Lukisan Pelan**

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab menjelaskan perangkap kelodak terpaksa ditutup kerana perangkap kelodak mengganggu laluan kerja di tapak seperti di **Gambar 3.2**. Perkara ini menyebabkan pembentukan kelodak yang tidak terkawal dan mengganggu aliran air di Sungai Bertam seperti di **Gambar 3.3** dan secara tidak langsung kualiti air sungai terjejas seperti di **Gambar 3.4**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, perangkap kelodak ataupun silt trap telah disarankan untuk dibina oleh pihak kontraktor namun dimaklumkan terdapat kekangan tempat untuk penyediaan perangkap kelodak memandangkan kawasan yang terlibat merupakan laluan jentera. Pihak JPS akan mempertimbangkan kaedah lain sebagai kawalan hakisan seperti pembinaan silt fence bagi kawasan yang dikenal pasti sebagai kritikal ketika hujan lebat.**

**Gambar 3.2**  
**Perangkap Kelodak Yang Telah Ditutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.3**  
**Keadaan Pembentukan Kelodak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 Disember 2015



**Gambar 3.4**  
**Keadaan Sampel Air Sungai Yang Keruh**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 Disember 2015

- v. Selain itu, semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan EMP yang dilaksanakan oleh perunding mendapati pencemaran air adalah melebihi daripada kadar pencemaran maksimum yang dibenarkan iaitu kurang daripada 50mg/L. Analisis Audit terhadap laporan EMP mendapati pihak perunding telah melaksanakan pengambilan sampel air pada Disember 2014, Mac 2015 dan Oktober 2015 yang melibatkan 6 buah kawasan di Sungai Bertam. Keputusan ujian kadar pencemaran *Total Suspended Solids* (TSS) di 6 buah kawasan tersebut mendapati kadar pencemaran yang berlaku adalah tinggi dan melebihi daripada kadar pencemaran maksimum. Bacaan tertinggi kadar pencemaran adalah 4120mg/L yang dicatat pada 23 Mac 2015 di *Point 4*. Kawalan TSS yang tidak dilaksanakan akan memberi risiko kepada objektif pencapaian projek RTB Sungai Bertam iaitu untuk meningkatkan kapasiti sungai daripada 5.0m<sup>3</sup>/s kepada 220m<sup>3</sup>/s. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Kadar Pencemaran Di Tapak Projek**

Bil.	Kawasan Sampel Diambil	Tarikh Sampel Diambil	Kuantiti Pencemaran Yang Dibenarkan	Pelanggaran Kuantiti (mg/L)
1.	Point 1	14.12.2014	< 50mg/L	100
2.	Point 2			130
3.	Point 3			99
4.	Point 4			129
5.	Point 5			101
6.	Point 6			131
7.	Point 1	23.03.2015	< 50mg/L	ND (<2)
8.	Point 2			61
9.	Point 3			104
10.	Point 4			4120
11.	Point 5			2280
12.	Point 6			1275
13.	Point 1	26.10.2015	< 50mg/L	282
14.	Point 2			328
15.	Point 3			308
16.	Point 4			283
17.	Point 5			TM
18.	Point 6			TM

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Nota:

1. ND: *Not Detected*
2. <: Kurang Daripada
3. TM: Tiada Maklumat

vi. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, kadar Total Suspended Solids (TSS) yang begitu tinggi yang direkodkan (melebihi 50 mg/L) pada 23 Mac 2015 adalah disebabkan oleh pembukaan tanah yang dilakukan secara meluas oleh pengusaha-pengusaha ladang yang terletak di hulu kawasan tадahan Sungai Bertam. Namun hasil daripada pemantauan oleh perunding alam sekitar mendapati, air Sungai Bertam telah bertukar keruh sebelum memasuki kawasan pembinaan (sebelum Empangan Sultan Abu Bakar) dan ini menunjukkan para pengusaha ladang merupakan penyumbang terbesar kepada permasalahan tersebut. Kadar TSS dapat dikurangkan dengan mengamalkan *Best Management Practise* yang telah dicadangkan oleh pihak perunding alam sekitar seperti mana dalam laporan awalan EMP. Pihak JPS akan mengarahkan dengan segera agar pihak kontraktor mengikuti segala langkah yang dicadangkan dalam EMP tersebut.**

vii. Pihak Audit turut melaksanakan kerja-kerja mengukur kedalaman kelodak yang dilaksanakan di 2 lokasi dan didapati kedalaman kelodak yang terbentuk adalah setebal 30cm dan 20cm seperti **Gambar 3.5 hingga Gambar 3.8. Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, berdasarkan pemantauan daripada pihak perunding alam sekitar mendapati kelodak yang telah disukat tersebut adalah hasil daripada mendapan pasir dan tanah ketika air dilepaskan daripada Empangan Sultan Abu Bakar.**

Mendapan yang disukat tersebut kemungkinan besar juga adalah tanah asal yang masih belum dikorek dan dibuang oleh pihak kontraktor.

Gambar 3.5

Kerja-kerja Mengukur Kedalaman Kelodak Sungai Dan Ketebalan Kelodak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 3.6

Kerja-kerja Mengukur Kedalaman Kelodak Sungai Dan Ketebalan Kelodak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 3.7

Kerja-kerja Mengukur Kedalaman Kelodak Sungai Dan Ketebalan Kelodak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 3.8

Kerja-kerja Mengukur Kedalaman Kelodak Sungai Dan Ketebalan Kelodak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 9 Disember 2015

- viii. Selain itu, semasa kerja-kerja pembersihan tapak atau kerja tanah sedang dijalankan, tanah yang terdedah kepada cuaca akan mengalami risiko hakisan dan menyebabkan tanah runtuh. Sekiranya hakisan tidak ditangani dengan sempurna ia menyebabkan air sungai dicemari dengan mendapan serta sampah sarap. Lawatan Audit mendapati longkang atau laluan air sementara tidak disenggara menyebabkan hakisan kepada tebing sungai di mana sampah sarap dan mendapan masuk ke dalam sungai seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menyediakan laluan air sementara semasa kerja-kerja pembinaan dan melakukan penyenggaraan dengan lebih kerap.**

Gambar 3.9

Tiada Longkang Atau Laluan Air Sementara Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands

Tarikh: 8 Disember 2015

Gambar 3.10



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands

Tarikh: 8 Disember 2015

- ix. Mengikut Buku Panduan Amalan Pengurusan Terbaik, kontraktor perlu menyediakan *temporary fencing and hoarding* di tapak pembinaan untuk keselamatan orang awam. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati tiada *temporary fencing and hoarding* disediakan seperti di **Gambar 3.11** hingga **Gambar 3.14**. Perkara ini mengundang bahaya kepada orang awam yang melalui kawasan tapak projek tersebut. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, surat arahan kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 15 Februari 2016 dan pihak kontraktor memaklumkan akan mematuhi arahan tersebut. Pihak kontraktor telah meletakkan pita amaran atau *plastic barrier* serta papan tanda amaran di tapak bina seperti di Gambar 3.15 hingga Gambar 3.17.**

Gambar 3.11

Pagar Keselamatan Tidak Dipasang Di Sekitar Kawasan Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands

Tarikh: 9 Disember 2015

Gambar 3.12



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands

Tarikh: 9 Disember 2015

**Gambar 3.13**  
**Pagar Keselamatan Tidak Dipasang Di Sekitar Kawasan Tapak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.14**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 Disember 2015

**Gambar 3.15**  
**Pita Amaran Dan *Plastic Barrier* Yang Telah Dipasang**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 16 Februari 2016

**Gambar 3.16**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 16 Februari 2016



**Gambar 3.17**  
**Papan Tanda Amaran Yang Telah Diletakkan Di Tapak Projek**

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Sungai Bertam, Cameron Highlands  
Tarikh: 16 Februari 2016

**b. Kerja Mempertingkatkan Sistem Saliran Sungai Belibis Serta Kerja Berkaitan**

- i. Cadangan mempertingkatkan sistem saliran Sungai Belibis serta kerja berkaitan telah dilaksanakan pada 5 September 2013 dan sepatutnya siap pada 12 Disember 2014 dengan peruntukan kos projek sejumlah RM17.13 juta. Projek

ini merupakan salah satu projek dalam *Parcel 1*, Fasa 2 RTB Bandar Pekan. Skop kerja termasuklah pembinaan parit dan rumah pam yang dilengkapi dengan sistem *Supervisory Control and Data Acquisition* (SCADA). Sistem ini digunakan bagi tujuan kawalan dan pemantauan ampang jajar/pintu air selain menjadi stesen amaran banjir jarak jauh. Selain itu, ia juga digunakan bagi tujuan pengumpulan dan penyimpanan data terutamanya berkaitan aras air. Lawatan Audit mendapati rumah pam telah siap dibina seperti di **Gambar 3.18** dan **Gambar 3.19**.

**Gambar 3.18**

Keadaan Rumah Pam Yang Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Pam Sungai Belibis, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.19**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Pam Sungai Belibis, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati, sebanyak 5 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) telah dikeluarkan oleh JPS. Antara sebab EOT adalah disebabkan keadaan cuaca dan kerja tambahan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Butiran terperinci seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Bil.	EOT/Tarikh	Sebab EOT	Tempoh EOT Dibenarkan (Hari)	Tarikh Patut Siap
1.	EOT No. 1/ 31.10.2014	1. Keadaan cuaca hujan luar biasa 2. Pertukaran Reka Bentuk <i>Open Drain Type 2</i> dan <i>Type 3</i>	25 60	25.02.2015
2.	EOT No. 2/ 23.02.2015	1. Hujan, banjir dan penutupan jalan utama 2. Kerja tambahan TNB	30 30	26.04.2015
3.	EOT No. 3/ 23.04.2015	1. Kerja Tambahan TNB	122	26.08.2015
4.	EOT No. 4/ 25.08.2015	1. Arahan Perubahan Kerja 2. Kelewatan pemasangan CT meter oleh TNB	122	26.12.2015

Bil.	EOT/Tarikh	Sebab EOT	Tempoh EOT Dibenarkan (Hari)	Tarikh Patut Siap
5.	EOT No. 5/ 17.12.2015	1. Kelewatan penghantaran semula pam yang telah dibaiki oleh pembekal 2. Kelewatan kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal	60 37	01.04.2016

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM0.40 juta telah diperuntukkan untuk Sistem SCADA di Rumah Pam Sungai Belibis. Pemeriksaan Audit pada 2 Disember 2015 mendapati sistem SCADA belum digunakan lagi disebabkan Pengujian Dan Pentaulahan masih tidak dilaksanakan. Keadaan Sistem SCADA dan peralatan adalah seperti di **Gambar 3.20** dan **Gambar 3.21**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, kerja-kerja masih belum siap sepenuhnya. Pengujian Dan Pentaulahan masih belum dibuat dan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa No.5 telah diluluskan sehingga 1 April 2016.**

**Gambar 3.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Pam Sungai Belibis, Pekan  
Tarikh: 2 Disember 2015

**Gambar 3.21**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Pam Sungai Belibis, Pekan  
Tarikh: 2 Disember 2015

Pada pendapat Audit, pengurusan projek RTB dalam pembinaan adalah kurang memuaskan. JPS perlu menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang lebih efektif terhadap kerja kontraktor bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan mengambil kira keselamatan orang awam.

#### **3.4.1.5. Prestasi Projek Yang Telah Siap**

Lawatan Audit telah dilaksanakan ke 14 buah projek di bawah RTB Kuantan, Pekan, Bera dan Raub yang telah siap dibina antara tempoh 2011 hingga 2015. Pemeriksaan Audit di 4 daripada 14 projek yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:

a. Menaik Taraf Pembetung Utama Di Persimpangan Jalan Tun Ismail Dan Jalan Beserah

- i. Cadangan menaik taraf pembetung utama ini telah dilaksanakan pada 2 Jun 2014 dan siap sepenuhnya pada 16 September 2015 dengan kos berjumlah RM8.85 juta. Skop kerja seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, pembinaan struktur saliran sungai, perabot jalan dan laluan pejalan kaki.
- ii. Lawatan Audit mendapati sisa pembinaan iaitu *I-Beam* tidak dipotong sepenuhnya seperti **Gambar 3.22**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, *I-Beam* tersebut adalah struktur penyokong sementara untuk laluan kabel telekomunikasi, ia telah dipotong pada 19 Februari 2016 seperti di **Gambar 3.23**.**
- iii. Selain itu, terdapat kayu yang tidak dibuang di *weep hole* seperti di **Gambar 3.24**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, kayu di dalam *weep hole* telah dibuang pada 19 Februari 2016 seperti di **Gambar 3.25**.**



**Gambar 3.24**  
**Keadaan Kayu Yang**  
**Tidak Dibuang Di Weep Hole**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tun Ismail, Kuantan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.25**  
**Keadaan Kayu Yang**  
**Telah Dibuang Di Weep Hole**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Tun Ismail, Kuantan  
Tarikh: 19 Februari 2016

**b. Kerja-kerja Pembaikan Saluran Sungai Parit, Parit Timur, Penyambung Sungai Air Hitam Dan Kerja-kerja Berkaitan**

- i. Cadangan pembaikan saluran Sungai Parit, Parit Timur, penyambung Sungai Air Hitam dan kerja-kerja berkaitan ini telah dilaksanakan pada 22 Mac 2011 dan telah siap sepenuhnya pada 2 November 2012 dengan kos berjumlah RM22.57 juta. Projek ini merupakan salah satu projek dalam *Parcel 1, Fasa 1 RTB Bandar Pekan*. Skop kerja termasuklah menggali dan melebarkan Sungai Parit dan Parit Timur, menggali Parit Penyambung Sungai Air Hitam dan pembinaan beberapa struktur seperti 4 buah jambatan dan 8 buah pembetung. Kerja-kerja mendalamkan, meluaskan dan memperelok saliran adalah perlu untuk memastikan kawasan bandar Pekan dan komersial tidak dinaiki air semasa banjir. Projek ini melibatkan 3 saluran pintasan iaitu Parit Belibis, Penyambung Air Hitam dan Penyambung Ketapang untuk menyambungkan sistem saliran dalaman.
- ii. Penyambung Sungai Air Hitam (*Air Hitam Link*) adalah projek RTB yang melibatkan penukaran arah aliran sungai-sungai sedia ada iaitu daripada Sungai Belibis dan Sungai Air Hitam ke Parit Timur. Ia berupaya untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan A seperti di **Peta 3.1**. Keadaan sebelum projek bermula dan selepas projek siap adalah seperti di **Gambar 3.26** dan **Gambar 3.27**.

**Peta 3.1**  
**Projek Penyambung Sungai Air Hitam**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

**Gambar 3.26**  
**Keadaan Sebelum Projek Penyambung Sungai Air Hitam Bermula**



Sumber: Jabatan Pengairan Saliran  
Lokasi: Penyambung Sungai Air Hitam, Pekan Tarikh: 22 Mac 2011

**Gambar 3.27**  
**Keadaan Projek Penyambung Sungai Air Hitam Yang Telah Siap**



Sumber: Jabatan Pengairan Saliran  
Lokasi: Penyambung Sungai Air Hitam, Pekan Tarikh: 2 November 2012


- iii. Lawatan Audit mendapati keadaan laluan Penyambung Sungai Air Hitam telah tersekat dengan runtuhan batu *rip-rap* ke dalam sungai seperti di **Gambar 3.28**. Perkara ini akan menyebabkan berlakunya *bottleneck* iaitu aliran air dari laluan A dan B tersekat apabila bertembung untuk masuk ke laluan C seperti di **Gambar 3.29**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 26 Februari 2016 menjelaskan, pembinaan telah dibuat berdasarkan kepada lukisan pembinaan dan semasa penyerahan projek ia berada dalam keadaan yang baik. Kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan semula di mana skop kerja ini termasuk di dalam kerja-kerja pembinaan projek naik taraf sungai di bawah Projek RTB Pekan Fasa 2.**

**Gambar 3.28**  
**Runtuhan Batu Rip-Rap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Penyambung Sungai Air Hitam, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.29**  
**Bottleneck Di Penyambung Sungai Air Hitam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Penyambung Sungai Air Hitam, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- iv. Selain itu, didapati batu *rip-rap* telah terhakis dan runtuh seperti di **Gambar 3.30**. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 26 Februari 2016 menjelaskan, kerja-kerja penyenggaraan tiada dalam skop kerja. Bagaimanapun ia akan dibina semula kerana kerja-kerja pembinaan batu *rip-rap* (*revetment*) di kawasan ini termasuk dalam skop kerja projek naik taraf Sungai Air Hitam di Projek RTB Pekan Fasa 2.**



**Gambar 3.30**  
**Keadaan Batu Rip-Rap Yang Terhakis Dan Runtuhan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Penyambung Sungai Air Hitam, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**c. Kerja-kerja Menaik Taraf Saluran Sungai Parit Dari CH0 – CH2100 Dan Kerja-kerja Berkaitan**

- i. Cadangan menaik taraf saluran Sungai Parit dari CH0 hingga CH2100 ini telah dilaksanakan pada 9 Jun 2011 dan telah siap sepenuhnya pada 10 November 2012 dengan kos berjumlah RM6.21 juta. Projek ini merupakan salah satu projek dalam *Parcel 1, Fasa 1 RTB Bandar Pekan*. Skop kerja termasuklah kerja-kerja mengorek tanah, pembinaan struktur untuk Sungai Parit seperti jambatan.
- ii. Lawatan Audit mendapati struktur ban yang dibina sepanjang Sungai Parit didapati telah terhakis dan runtuh seperti di **Gambar 3.31** dan **Gambar 3.32**. Selain itu, binaan batu *rip-rap* yang disusun telah runtuh di Sungai Parit seperti

di **Gambar 3.33**. Perkara ini menyebabkan pertambahan kelodak di dalam sungai serta mengganggu aliran air sungai.

**Gambar 3.31**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Keadaan Hakisan Di Ban**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.32**



**Gambar 3.33**  
**Keadaan Batu Rip-Rap Yang Runtuh**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

iii. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 26 Februari 2016 menjelaskan, hakisan pada ban adalah disebabkan air pasang surut dan material ban itu sendiri yang berpasir yang menyebabkan ia senang runtuh. Kerja-kerja telah disiapkan sebagaimana lukisan pembinaan. Kerja-kerja *slope protection* juga telah dibuat namun pertumbuhan rumput di kawasan tersebut tidak begitu menggalakkan disebabkan tanah yang berpasir. Kawasan ini memerlukan kaedah lain yang lebih sesuai namun akan melibatkan kos yang lebih tinggi. Selain itu, ia disebabkan tiada peruntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan.**

d. **Projek Membina Struktur Kawalan Tebing Di Sungai Parit Dan Kerja-kerja Berkaitan**

i. Cadangan pembinaan struktur kawalan tebing di Sungai Parit ini telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2013 dan telah siap sepenuhnya pada 4 Ogos 2014 dengan kos berjumlah RM6.82 juta. Projek ini merupakan salah satu projek

dalam *Parcel* 1, Fasa 2 RTB Bandar Pekan. Skop kerja termasuk pemasangan *green mattress* dan laluan trek jogging. Pemeriksaan Audit mendapati projek ini telah memberi impak positif dalam mengurangkan risiko banjir di Bandar Pekan terutamanya kepada penduduk sekitar Sungai Parit. Keadaan Sungai Parit sebelum projek ini dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 3.34** dan keadaan semasa banjir 2014/2015 adalah seperti di **Gambar 3.35**.

**Gambar 3.34**  
Keadaan Sungai Parit  
Sebelum Projek Bermula



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 18 Ogos 2013

**Gambar 3.35**  
Keadaan Sungai Parit  
Semasa Banjir Tahun 2014/2015



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 6 Januari 2015

- ii. Bagi memastikan kekukuhannya, *gabion renomattress*, sangkar batu atau lebih dikenali dengan *gabion renomattress* perlu diisi dengan saiz batu *granit* yang melebihi dari 100mm lebar dan sangkar tersebut perlu diikat di antara satu sama lain. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati ada saiz batu yang tidak sesuai dalam *gabion* yang menyebabkan *gabion* tersebut tidak kukuh serta *gabion* yang dipasang juga telah rosak seperti di **Gambar 3.36** dan **Gambar 3.37**.

**Gambar 3.36**  
Saiz Batu Dalam *Gabion* Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.37**  
*Gabion* Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- iii. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, hampir keseluruhan saiz batu granit yang diisi dalam *gabion* mempunyai purata 100mm lebar sebagaimana spesifikasi. Namun terdapat juga sebilangan batu granit kecil yang berfungsi menutupi ruang di celah-celah batu granit 100mm. Kerosakan yang terdapat seperti di Gambar 3.36 dikenal pasti akibat berlaku sedikit mendapan pada asas *gabion* tersebut selepas banjir pada akhir tahun 2014. Manakala, kerosakan seperti di Gambar 3.37 kerana kedudukannya berhampiran dengan struktur titik curahan akhir (pembetung) yang menyebabkan berlaku sedikit hakisan dan kerosakan pada permukaan atas *gabion* semasa berlaku hujan lebat dan musim tengkujuh. Pihak JPS akan memohon peruntukan dan mengambil tindakan membaiki kerosakan serta mengukuhkan struktur *gabion* tersebut.**
- iv. Selain itu, *sump* yang dibina tidak berpenutup serta membahayakan keselamatan orang awam seperti di **Gambar 3.38. Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, JPS Daerah Pekan telah memasang penutup *sump* tersebut demi keselamatan pengguna seperti di Gambar 3.39**. Projek ini juga meliputi pembinaan trek jogging dan wakaf untuk kemudahan orang awam berekreasi. Lawatan Audit juga mendapati trek jogging telah dipenuhi semak samun seperti di **Gambar 3.40. Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, JPS Daerah Pekan telah menjalankan kerja-kerja penyenggaraan tebing sungai dan trek jogging di Sungai Parit dengan menggunakan tenaga kerja dan jentera JPS seperti di Gambar 3.41. Rutin penyenggaraan ialah sebanyak 2 kali sebulan dan dipantau oleh seorang penyelia.**

**Gambar 3.38  
Sump Yang Dibina Tidak Berpenutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.39  
Sump Yang Telah Dipasang Penutup**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Mac 2016

**Gambar 3.40**  
**Keadaan Trek Joging Yang Dipenuhi Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.41**  
**Keadaan Trek Joging Yang Telah Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Mac 2016

**Pada pendapat Audit, pengurusan projek RTB yang telah siap antara tempoh setahun hingga 3 tahun adalah kurang memuaskan kerana kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kurang berkualiti serta perlu dibaiki dengan kadar segera. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan selepas teguran Audit.**

### **3.4.2. Sistem Ramalan Dan Amaran Banjir**

Pada musim monsun 2013/2014 dan 2014/2015, kejadian banjir telah berlaku di daerah Rompin, Pekan, Kuantan, Maran, Temerloh, Bera, Jerantut dan Lipis. Ia disebabkan hujan lebat di luar jangkaan dalam sesuatu kawasan tadahan dan hulu sungai yang turun secara berterusan selama 2 hingga 4 hari pada banjir 2013/2014 manakala 9 hingga 11 hari pada 2014/2015. Fenomena air pasang juga menyebabkan beberapa buah kawasan terutama kawasan berdekatan pantai mengalami peningkatan air secara mendadak. Selain itu, lokasi penempatan tanah rendah yang kebanyakannya di lembangan sungai juga antara faktor penyebab kepada peningkatan bilangan mangsa pemindahan setiap kali tiba musim banjir. Sistem amaran banjir ialah bertujuan untuk menyampaikan maklumat banjir dan amaran awal tentang kemungkinan berlaku banjir di sesuatu lembah sungai. Data taburan hujan adalah penting dalam penentuan ramalan banjir. JPS menyediakan sistem amaran dan pengesanan banjir yang merangkumi 45 buah stesen telemetri, 118 buah stesen curahan hujan, 54 buah stesen amaran banjir bersiren, 19 buah stesen aras air dan 11 sukat luah sungai serta 4 Web Cam. Semakan Audit adalah seperti berikut:

#### **3.4.2.1. Sistem Telemetri**

- a. JPS menggunakan sistem telemetri dalam pengumpulan data curahan hujan. Sistem ini dapat membekalkan data yang tepat kepada JPS dan boleh diakses secara atas talian. Semakan Audit mendapati terdapat 45 buah stesen telemetri di Negeri Pahang. Contoh stesen telemetri seperti di **Gambar 3.42**.



**Gambar 3.42**  
**Keadaan Stesen Telemetri**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Pekan  
Tarikh: 2 Disember 2015

- b. Berdasarkan Laporan Banjir 2013/2014 mendapati pada musim monsun 2013/2014, hujan lebat luar biasa direkodkan sehingga melebihi 500mm dalam masa sehari terutama di Daerah Kuantan. Manakala pada 2014/2015 hujan lebat luar biasa direkodkan sehingga melebihi 600mm dalam masa 2 hari di Daerah Lipis, Pekan dan Kuantan. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, taburan hujan pada tahun 2013 lebih tinggi daripada tahun 2014. Sebagai contoh, paras taburan hujan maksimum pada Disember 2013 yang direkodkan di Kuantan adalah antara 103mm hingga 414.5mm berbanding pada Disember 2014, iaitu antara 143.0mm hingga 252.0mm. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Analisis Taburan Hujan Tertinggi Pada Bulan Disember**

Bil.	Daerah	Nama Stesen Taburan Hujan	Hujan Maksimum (mm)	
			2013/2014	2014/2015
1.	Kuantan	Pejabat JPS Negeri Pahang	103.0	252.0
		Ladang Ulu Lepar	139.0	143.0
		Ladang Nada	277.5	218.0
		Paya Bungor	254.5	162.5
		Kampung Sungai Soi	414.5	228.5
2.	Pekan	Kampung Serambi	373.5	319.0
		Pecah Batu Bukit Raidan	289.5	260.0
		Kampung Unchang	438.5	190.5
		Dispensari Nenasi	386.5	197.0
		Temeris	302.5	456.5
3.	Bera	Ladang Kemayan	87.0	45.0
		Ladang Karmen	95.0	57.0
		Ladang Kemasul, Mengkarak	67.5	63.0
		Kampung Kuala Bera	113.0	82.5
		Pos Iskandar	109.5	115.0
4.	Raub	Ulu Atok	62.5	64.5
		Kampung Dong	46.0	44.5
		Kampung Sungai Pasu	47.0	42.0
		Stor JPS Raub	63.5	63.5
		Site 4 Chalit	48.0	87.5
<b>Jumlah</b>			<b>3,718.0</b>	<b>3,091.5</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

### 3.4.2.2. Stesen Amaran Banjir

- a. Kawasan yang sering dilanda banjir memerlukan amaran awal untuk penduduk setempat bertindak bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Sehubungan itu, JPS telah membina 57 buah stesen amaran banjir bersiren di seluruh Negeri Pahang. Bagaimanapun, berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, stesen amaran banjir yang sedia ada tidak mencukupi berbanding dengan keluasan daerah dan kepadatan penduduk. JPS akan menambah baik dan membina stesen amaran banjir bersiren yang baru sebanyak 22 buah di Lembangan Sungai Pahang. Ia dijangka dilaksanakan bermula pada Disember 2015 hingga Disember 2017 di bawah Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (Fasa 1). Maklumat stesen amaran bersiren seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**  
**Maklumat Stesen Amaran Bersiren**  
**Di Lembangan Sungai Pahang**

Bil.	Daerah	Stesen Amaran Bersiren	
		Sedia Ada	Baru
1.	Kuantan	7	0
2.	Pekan	4	0
3.	Rompin	4	0
4.	Maran	4	0
5.	Temerloh	5	7
6.	Bera	2	5
7.	Jerantut	11	3
8.	Bentong	6	2
9.	Raub	5	5
10.	Lipis	2	0
11.	Cameron Highlands	3	0
12.	Negeri Sembilan	4	0
<b>Jumlah</b>		<b>57</b>	<b>22</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- b. Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (Fasa 1) diwujudkan berikutan kejadian Banjir Monsun Timur Laut luar biasa yang berlaku pada 14 Disember 2014 hingga 10 Januari 2015. Ia melibatkan 8 buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Johor serta Sabah dan Sarawak yang mengakibatkan banjir melebihi 15 hari. Anggaran kos pelaksanaan ialah RM550 juta dan akan melibatkan 3 fasa dengan pelaksanaan Fasa 1 memfokuskan kepada 3 lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Kelantan, Lembangan Sungai Terengganu dan Lembangan Sungai Pahang. Program ini melibatkan 3 buah komponen utama iaitu membangunkan Sistem Pengesanan Data Hidrologi, membangunkan Sistem Ramalan, Pangkalan Data, Infrastruktur ICT dan Pemodelan serta meningkatkan Sistem Amaran dan Hebahan. Program ini menyasarkan faedah utama yang akan diperoleh pada akhir tahun 2018 dengan mengurangkan kerugian harta awam sebanyak 30% dan mengurangkan risiko kehilangan nyawa. Selain itu, ia diharap dapat meningkatkan keyakinan penduduk kepada sistem amaran.

c. Lawatan Audit ke Bera mendapati stesen amaran banjir telah ditempatkan di lokasi yang strategik. Apabila paras air mencapai paras berjaga-jaga, siren akan berbunyi sebagai amaran kepada penduduk setempat sejauh 1 kilometer. Bagaimanapun, stesen ini tidak memberikan maklumat secara automatik kepada pegawai JPS kerana ia belum dinaikkan taraf. Pegawai JPS hanya maklum berkenaan paras air apabila diberitahu penduduk setempat. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 16 Februari 2016 menjelaskan, stesen tersebut akan dinaikkan taraf dalam Projek Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara Fasa 1 yang akan bermula pada tahun 2016.** Lawatan Audit selanjutnya ke Kuantan mendapati stesen amaran banjir telah dinaikkan taraf dengan dilengkapi kombinasi lengkap sensor paras air ultrasonik bersama siren. Sistem siren ini akan berbunyi lebih kuat dan ia akan kedengaran apabila paras air mencecah serendah 2 meter dan akan berbunyi setiap kenaikan sehingga 5 meter iaitu pada paras yang bahaya. Selain itu, sistem ini akan memaklumkan secara automatik kepada pegawai JPS menerusi *Short Messaging System* (SMS). Stesen amaran banjir di Kuantan, Cameron Highlands, Pekan dan Bera adalah seperti di **Gambar 3.43** hingga **Gambar 3.46**.

**Gambar 3.43**

Sistem Siren Amaran Banjir Yang Telah Dinaikkan Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Tiram, Kuantan  
Tarikh: 19 November 2015

**Gambar 3.44**

Sistem Siren Amaran Banjir Yang Telah Dinaikkan Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pekan Ringlet, Cameron Highlands  
Tarikh: 8 November 2015

**Gambar 3.45**

Sistem Siren Amaran Banjir Yang Belum Dinaikkan Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pelangkah, Pekan  
Tarikh: 2 Disember 2015

**Gambar 3.46**

Sistem Siren Amaran Banjir Yang Belum Dinaikkan Taraf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Saliran Utama Kampung Kerayung, Bera  
Tarikh: 18 November 2015

**Pada pendapat Audit, sistem ramalan dan amaran banjir adalah baik. Bagaimanapun, sistem penyampaian maklumat amaran banjir di antara JPS bersama agensi lain perlu dipertingkatkan supaya maklumat mengenai amaran awal banjir dapat disampaikan dengan segera kepada penduduk sekitar.**

### **3.4.3. Kerja Penyenggaraan Projek RTB**

Penyenggaraan terhadap projek RTB yang telah siap perlu dibuat secara berjadual bagi memastikan saliran sentiasa berada dalam keadaan sempurna. Dengan ini, larian air permukaan dapat disalurkan ke laut atau sungai dengan lancar tanpa halangan. Skop kerja penyenggaraan meliputi kerja memotong rumput dan pokok di rizab saliran, membersihkan sampah sarap dan membuang mendapan kelodak atau tanah serta membaik pulih kerosakan kecil pada sistem saliran, rumah pam dan landskap. Semakan dan lawatan Audit mendapati:

**3.4.3.1.** Negeri Pahang memperuntukkan RM1 juta setahun untuk melaksanakan projek RTB manakala tiada peruntukan daripada agensi pusat untuk kerja-kerja penyenggaraan. Semakan Audit mendapati kebanyakan projek RTB yang menggunakan peruntukan Negeri dibelanjakan untuk projek-projek seperti kerja-kerja melebar, mendalam dan memperelok saliran dan menaik taraf kolam takungan.

**3.4.3.2.** Semakan Audit selanjutnya mendapati JPS tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala tetapi melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut keperluan dan peruntukan yang diluluskan. Lawatan Audit mendapati 8 daripada 14 projek yang telah siap dibina kurang disenggarakan dengan baik iaitu 2 projek di Daerah Kuantan, 2 Projek di Daerah Bera, 2 projek di Daerah Raub dan 2 projek di Daerah Pekan. Sungai atau parit dan kolam takungan yang dipenuhi mendapan pasir, tumbuhan dan sampah sarap akan menyebabkan pengaliran air terganggu.

**3.4.3.3.** Temu bual dengan pegawai di Daerah Kuantan, Bera, Raub dan Pekan memaklumkan kerja penyenggaraan akan dilaksanakan secara *ad hoc* kerana masalah kekangan peruntukan. Keadaan sungai, parit dan kolam takungan yang kurang disenggarakan adalah seperti di **Gambar 3.47** hingga **Gambar 3.55**.

**Gambar 3.47**  
**Keadaan Inlet Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kolam Takungan Pelindung, Kuantan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.48**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kolam Takungan Pelindung, Kuantan  
Tarikh: 21 Oktober 2015



**Gambar 3.49**  
**Keadaan Sampah Yang Belum Disenggara**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Pam Sungai Isap Damai  
Tarikh: 20 Oktober 2015

**Gambar 3.50**  
**Keadaan Saluran Perparitan Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Saliran Utama Kg. Kerayung, Bera  
Tarikh: 18 November 2015

**Gambar 3.51**  
**Keadaan Saluran Perparitan Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Felda Tementi, Bera  
Tarikh: 18 November 2015

**Gambar 3.52**  
**Keadaan Sungai Yang Mempunyai Mendapan Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Parit, Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.53**  
**Keadaan Parit Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Pekan  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 3.54**  
**Keadaan Parit Dan Sungai Yang Belum Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Gali Tengah, Raub  
Tarikh: 17 November 2015

**Gambar 3.55**  
**Keadaan Parit Dan Sungai Yang Belum Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Gali, Raub  
Tarikh: 17 November 2015

**3.4.3.4. Maklum balas daripada JPS bertarikh 21 Mac 2016 menjelaskan, peruntukan pembangunan negeri sangat kecil dan hanya cukup untuk kerja-kerja menaik taraf. Selain itu, peruntukan penyenggaraan negeri juga sangat terhad. Sebahagian daripada projek pembangunan yang telah siap tidak dapat disenggarakan dengan sempurna walaupun jadual penyenggaraan secara berkala telah dibuat.**

**3.4.3.5.** Pemeriksaan Audit turut mendapati pintu air di Rumah Pam Sungai Isap telah rosak seperti di **Gambar 3.56**. JPS Daerah Kuantan telah melaporkan kerosakan ini kepada Bahagian Perkhidmatan Mekanikal/Elektrikal JPS pada Februari 2015. Bagaimanapun, tindakan pembaikan belum diambil sehingga tempoh pengauditan selesai. Kerosakan ini telah menyebabkan air Sungai Kuantan mengalir masuk ke kawasan tebatan banjir jika berlaku air pasang. Kesannya, operasi pam adalah tidak efisien pada musim monsun sekiranya kerosakan ini tidak diambil tindakan.



**Gambar 3.56**  
**Keadaan Pintu Air**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Isap, Kuantan  
Tarikh: 20 Oktober 2015

Pada pendapat Audit, tahap penyenggaraan terhadap projek yang telah dibina adalah kurang memuaskan kerana tiada jadual penyenggaraan dan tidak dibuat secara berkala akibat kekangan peruntukan. Objektif RTB untuk mengurangkan risiko banjir tidak dapat tercapai sepenuhnya sekiranya projek yang telah siap ini tidak disenggarakan secara berkala.

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek Rancangan Tebatan Banjir dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah disyorkan JPS mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**3.5.1.** JPS hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi memastikan projek Kerajaan yang telah dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.

**3.5.2.** JPS hendaklah memastikan reka bentuk komponen RTB yang disediakan oleh perunding bersesuaian dengan keadaan di tapak projek supaya projek yang dilaksanakan mencapai objektif dan memberi manfaat kepada masyarakat.

**3.5.3.** JPS perlu melaksanakan penyeliaan dan pemantauan yang efektif terhadap kemajuan kerja kontraktor bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

---

## **MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN**

### **MAJLIS DAERAH PEKAN**

---

#### **4. PENGURUSAN PUSAT TRANSFORMASI BANDAR DAN PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR**

##### **4.1. LATAR BELAKANG**

**4.1.1.** Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Centre* (UTC) adalah merupakan usaha dan inisiatif kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan. Ia merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan sektor swasta. Secara umumnya, komuniti bandar boleh membuat pelbagai urusan dengan jabatan kerajaan dan swasta dalam satu bangunan. UTC turut menyediakan pusat pembangunan dan aktiviti belia, ruang perniagaan produk tempatan dan pusat kegiatan badan bukan kerajaan dengan waktu operasi yang lebih panjang berbanding jabatan kerajaan.

**4.1.2.** Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Center* (RTC) adalah berfungsi sebagai Pusat Integrasi Perkhidmatan yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan meliputi 9 inisiatif seperti latihan kemahiran, kios informasi 1 Malaysia, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kerjasama universiti, perkhidmatan kesihatan 1 Malaysia, kemudahan pembiayaan kewangan dan agro pelancongan.

**4.1.3.** UTC Pahang beroperasi di bangunan yang pada asalnya stesen bas Terminal Makmur yang telah dinaiktarafkan dan diubah suai menjadi UTC Pahang. Penubuhan UTC adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia. Pengurusan dan operasi UTC diserahkan kepada entiti pengurusan bangunan UTC yang dipersetujui oleh kerajaan negeri dan Kementerian Kewangan Malaysia. Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah dilantik sebagai pengurus bangunan dan operasi bagi UTC Pahang yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 April 2013. UTC Pahang diterajui oleh seorang Pengarah dan dibantu 30 orang kakitangan.

**4.1.4.** RTC Pahang terletak di Mukim Kuala Pahang berdekatan Jeti Ikan Kuala Pahang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2013. Bangunan RTC Pahang pada asalnya adalah kedai desa yang dibina di atas tanah milik Majlis Daerah Pekan (MDP) yang dibiayai oleh UDA Holdings Sdn. Bhd. dengan peruntukan kerajaan persekutuan. Bangunan ini telah diserahkan kepada MDP bagi urusan penyewaan dan penyenggaraan. Manakala pengurusan RTC Pahang adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW).

**4.1.5.** Bangunan UTC dan RTC Pahang adalah seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

**Gambar 4.1**  
**Bangunan UTC Pahang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.2**  
**Bangunan RTC Pahang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan UTC dan RTC telah diurus dengan cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan.

## **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan pengurusan terhadap UTC dan RTC telah dijalankan di MPK, MDP dan Pejabat pengurusan RTC Pahang iaitu KKLW. Skop pengauditan meliputi aspek berkaitan perolehan bangunan, pembaikan, penyewaan, penyenggaraan, keselamatan, pembersihan, prestasi pencapaian program, statistik kehadiran pengunjung, pelan promosi dan sebagainya bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai 2013 hingga 2015. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen, mengkaji dan menganalisis data yang terlibat berkaitan pengurusan UTC dan RTC di Pejabat Pengurusan UTC Kuantan, di MDP dan RTC Kuala Pahang. Selain itu, temu bual dengan pegawai, penyewa dan penduduk sekitar juga telah diadakan. Soal selidik kepada penyewa di RTC turut dijalankan.

## **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2015 mendapati pengurusan terhadap UTC oleh MPK telah dilaksanakan dengan baik meliputi aspek perkhidmatan yang disediakan, penyewaan premis, kehadiran pengunjung, lokasi yang strategik, kemudahan tempat meletak kereta, penyenggaraan dan kebersihan bangunan serta keselesaan kepada pengunjung. Manakala pengurusan bangunan RTC Pahang oleh MDP pula masih perlu penambahbaikan seperti berikut:

- Perkhidmatan yang disediakan RTC masih belum memenuhi 9 inisiatif yang ditetapkan.

- Tunggakan sewa dan bil utiliti yang semakin meningkat.
- Bangunan RTC kurang dipantau oleh MDP.

#### 4.4.1. Prestasi Program UTC

**4.4.1.1.** UTC Pahang mula beroperasi pada 1 April 2013 dengan menyediakan perkhidmatan 22 agensi kerajaan persekutuan, 10 agensi kerajaan negeri, 12 agensi swasta dan 8 pertubuhan bukan kerajaan. Selain itu, UTC Pahang juga menyediakan perkhidmatan gerai makan dan gerai pelbagai, mesin perbankan automatik (ATM/CDM), tempat meletak kereta, aktiviti belia, surau, bilik mesyuarat dan sebagainya. Kemudahan ini telah berjaya menarik ramai pengunjung ke UTC.

**4.4.1.2.** Analisis Audit terhadap statistik kehadiran pengunjung ke UTC Pahang menunjukkan peningkatan daripada 1,012,133 pengunjung pada tahun 2013 meningkat kepada 2,068,698 pengunjung pada tahun 2014 dan sehingga Ogos 2015 jumlah pengunjung telah pun mencecah 2,137,221 orang melebihi pencapaian bagi tahun 2013 dan 2014 seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Statistik Pengunjung Di UTC Pahang**  
**Bagi Tahun 2013 Hingga 2015**

Bulan	Jumlah Pengunjung		
	Tahun 2013	Tahun 2014	Tahun 2015 (Sehingga Ogos)
Januari	-	136,656	287,734
Februari	-	143,625	303,577
Mac	-	181,406	362,303
April	110,403	155,883	276,291
Mei	145,743	176,859	240,700
Jun	147,477	173,184	235,070
Julai	98,263	114,094	191,556
Ogos	88,476	154,089	239,990
September	139,497	161,083	
Oktober	116,350	146,843	
November	82,181	184,602	
Disember	83,743	340,374	
	<b>1,012,133</b>	<b>2,068,698</b>	<b>2,137,221</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

**4.4.1.3.** Antara kemudahan yang disediakan di UTC adalah seperti di **Gambar 4.3** hingga **Gambar 4.8**.

**Gambar 4.3**  
**Perpustakaan Awam Negeri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.4**  
**Bilik Mesyuarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.5**  
**Bilik Memanah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.6**  
**Gymnasium**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.7**  
**Kios Perniagaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.8**  
**Kios Insurans**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

## **4.4.2. Prestasi Program RTC**

### **4.4.2.1. Sasaran prestasi program RTC**

- a. Kemudahan yang disediakan di RTC adalah untuk penduduk tempatan dapat menjual produk pertanian berbentuk nilai tambah secara terus, membeli bekalan dan perkhidmatan pada harga yang rendah, mendapat kemahiran, menjalani latihan dan program pembangunan keusahawanan dan mendapat kemudahan bantuan kewangan dan beberapa perkhidmatan kerajaan. Dengan pelaksanaan program ini, adalah menjadi hasrat kerajaan agar masyarakat luar bandar lebih berdaya maju dan berdaya saing serta berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Ini akan membolehkan produk tersebut dapat dipasarkan di seluruh negara dan akhirnya dapat menembusi pasaran eksport. Secara tidak langsung, pendapatan penduduk dapat ditingkatkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan secara keseluruhannya.

### **4.4.2.2. Prestasi Program RTC Kurang Memuaskan**

- a. Lawatan Audit ke RTC Pahang mendapati perkhidmatan yang disediakan adalah seperti **Jadual 4.2, Gambar 4.9 dan Gambar 4.10.**

**Jadual 4.2**  
**Perkhidmatan Yang Disediakan Di RTC Pahang**

Perkhidmatan Yang Disediakan	No. Lot
<b>Tingkat Bawah</b>	
Kios Informasi 1 Malaysia	1A
Jabatan Imigresen	2A
Jabatan Pendaftaran Negara	
Pejabat Penghulu Dan Kaunter Pelbagai	3A
Anita Cake House	4A
Evergreen Cafe	5A
De Kuala Cafe	6A
Kedai Kain 1Malaysia	7A
Klinik Kesihatan	8A
<b>Tingkat Atas</b>	
Pusat Latihan/Bilik Mesyuarat	1B
Pejabat Pengurusan RTC	4B
Akademi Solekan Dan Gaya Rambut	5B 6B
Bengkel Jahitan T-Shirt	7B
Klinik Kesihatan ( Pergigian )	8B

Sumber: Majlis Daerah Pekan

**Gambar 4.9**  
**Bangunan RTC Pahang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

**Gambar 4.10**  
**Antara Perniagaan Yang Beroperasi Di RTC Pahang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

- b. Terdapat 6 buah kampung di dalam Mukim Kuala Pahang iaitu Kampung Kuala Pahang, Kampung Beruas, Kampung Marhum, Kampung Tanjung Selangor, Kampung Bentan dan Kampung Serandu. Penduduk Mukim Kuala Pahang adalah dianggarkan lebih kurang 12 ribu orang. Melalui statistik pengunjung di RTC Pahang yang disediakan oleh KKLW menunjukkan jumlah pengunjung adalah masih rendah iaitu seramai 16,472 pada tahun 2014 dan 10,455 sehingga Ogos 2015. Manakala data bagi tahun 2013 tidak direkodkan.
- c. Semakan Audit terhadap rekod statistik pengunjung serta lawatan Audit mendapati perkhidmatan agensi kerajaan terutama Jabatan Pendaftaran Negara, Klinik Kesihatan 1 Malaysia dan Kaunter Pelbagai adalah menjadi tarikan utama dan banyak membantu penduduk di sini selain GIAT MARA yang menawarkan kursus kepada peserta seperti di **Gambar 4.11** dan **Gambar 4.12**.

**Gambar 4.11**  
**Akademi Jahitan GIAT MARA**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

**Gambar 4.12**  
**Perkhidmatan Kesihatan 1 Malaysia**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

- d. Bagaimanapun inisiatif seperti pemprosesan produk agro makanan, pengurusan rantaian bekalan hasil pertanian, kemudahan pembiayaan kewangan dan agro

pelancongan masih belum beroperasi di sini. Selain itu, kemudahan kewangan yang disediakan hanya mesin ATM Bank Simpanan Nasional. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 4 unit perniagaan yang beroperasi di sini dan telah menerima maklum balas seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Maklum Balas Soal Selidik Audit Kepada Peniaga Di RTC Pahang**

Bil.	Jenis Perniagaan	Maklum Balas Soal Selidik				
		Sambutan Pelanggan	Keuntungan Tahunan	Kelangsungan Perniagaan	Bayaran Sewaan	Cadangan/ Aduan
1.	Kedai Kain 1 Malaysia	Kurang Memuaskan	Pulang Modal	Tidak Pasti	Tertunggak	Keselamatan di kawasan kedai  Mohon menangani masalah haiwan ternakan yang berkeliaran di kawasan kedai.
2.	Kafe	Tidak memuaskan	Rugi	Dalam pertimbangan	Sukar untuk membayar sewa kerana gaji pekerja pun sukar untuk dibayar	Sistem saluran paip di singki dan tangki kumbahan bermasalah masih belum ada tindakan
3.	Kedai Kek	Tidak memuaskan	Rugi	Ya	Tertunggak kerana perniagaan mengalami kerugian	Tiada
4.	Kafe	Tiada Maklum Balas				

Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara Negeri Pahang

- e. Temu bual dengan penduduk sekitar mendapati hanya perkhidmatan agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran, Klinik Kesihatan 1 Malaysia, Pejabat Penghulu dan kemudahan mesin ATM Bank Simpanan Nasional yang mereka sering kunjungi. Manakala perniagaan yang dijalankan di sini seperti kedai kain 1 Malaysia, kafe dan kedai kek adalah tidak menjadi pilihan penduduk kerana mereka lebih selesa mendapatkannya di bandar Pekan atau Kuantan kerana lokasi yang tidak terlalu jauh serta pilihan yang banyak. Antara jenis perniagaan yang mereka perlukan di sini adalah seperti Kedai Barang 1 Malaysia, kedai harga murah dan produk hasil laut dan pertanian yang menjadi barang keperluan harian mereka.
- f. Pihak Audit juga mendapati RTC kurang dikunjungi oleh mereka daripada luar kawasan Kuala Pahang kerana lokasinya yang agak jauh iaitu lebih kurang 10 km daripada laluan utama Kuantan - Pekan serta kurangnya tarikan pengunjung ke RTC. Selain itu, cadangan daripada peniaga di sini juga agar MDP mengkaji balik kadar bayaran sewa dengan membuat penilaian menyeluruh tentang kehadiran pengunjung ke RTC kerana ada antara peniaga yang tidak mampu bagi meneruskan perniagaan di sini kerana kurang sambutan.

- g. **Maklum balas yang diterima daripada pengurusan RTC Pahang bertarikh 18 Februari 2016**, menjelaskan inisiatif pertanian bernilai tinggi yang sedang dilaksanakan oleh RTC Pahang adalah tanaman pisang lemak manis seluas 3 ekar di Kampung Ubai, Pekan Pahang yang melibatkan 3 orang usahawan dengan 1,200 pokok pisang. Projek ini juga telah disertai seramai 30 orang penduduk kampung sekitar dengan 20 anak pokok pisang bagi setiap penduduk. Selain itu RTC Pahang juga telah mengenal pasti beberapa produk lain yang boleh diketengahkan dan telah membantu 5 usahawan ikan patin meningkatkan pendapatan mereka dalam kawasan Temerloh di bawah program Jaringan Strategik UTC-RTC-Mini RTC.
- h. Manakala bagi inisiatif pemprosesan produk agro makanan dan pusat pengurusan rantaian bekalan makanan, pihak RTC telah bekerjasama dengan *East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)* dan Universiti Malaysia Pahang dengan membangun satu pusat pemprosesan hasil laut dan medan ikan bakar di Kuala Pahang. Pusat ini berfungsi sebagai pusat jualan hasil tangkapan penduduk tempatan dan masih dalam pembinaan seperti di Gambar 4.13 dan Gambar 4.14.

**Gambar 4.13**  
Pusat Pemprosesan Hasil Laut Dan  
Medan Ikan Bakar Di Kuala Pahang Yang  
Masih Dalam Pembinaan



Sumber: Universiti Malaysia Pahang  
Lokasi: Kuala Pahang  
Tarikh: 25 Disember 2015

**Gambar 4.14**  
Pusat Pemprosesan Hasil Laut Dan  
Medan Ikan Bakar Di Kuala Pahang Yang  
Masih Dalam Pembinaan



Sumber: Universiti Malaysia Pahang  
Lokasi: Kuala Pahang  
Tarikh: 25 Disember 2015

- i. **Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 19 Februari 2016**, menjelaskan jambatan yang dibina berhampiran Kampung Tanjung Selangor telah siap dan ini juga akan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke Kuala Pahang.

Pada Pendapat Audit, prestasi program RTC kurang memuaskan kerana beberapa inisiatif yang ditetapkan masih belum dilaksanakan serta kurang mendapat sambutan pengunjung disebabkan lokasinya yang agak jauh daripada laluan utama.

#### 4.4.3. Tunggakan Sewa UTC Dan RTC

##### 4.4.3.1. Tunggakan Sewa UTC

- a. Bagi melaksanakan fungsinya sebagai Pusat Transformasi Bandar, UTC Pahang telah menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan agensi kerajaan dan swasta, pemasaran produk, aktiviti belia, ruang niaga dan sebagainya. Sehubungan itu MPK sebagai agensi yang bertanggungjawab menguruskan UTC telah menyediakan ruang-ruang bagi agensi dan pihak berkaitan untuk disewakan dengan kadar sewaan dan caj perkhidmatan seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kadar Bayaran Sewa Dan Caj Perkhidmatan UTC Pahang**

Bil.	Agensi	Kadar 2013 Dan 2014		Kadar 2015	
		Sewa Pejabat (RM/k.p)	Caj Perkhidmatan (RM/k.p)	Sewa Pejabat (RM/k.p)	Caj Perkhidmatan (RM/k.p)
1.	Agensi Kerajaan Persekutuan	0.90/k.p	1.30/k.p.	0.90/k.p.	1.30/k.p.
2.	Agensi Kerajaan Negeri Dan Badan Berkanun	2.50/k.p.	2.50/k.p.	0.90/k.p.	1.30/k.p.
3.	Agensi Swasta	2.50/k.p.	2.50/k.p.	2.50/k.p.	2.50/k.p.
4.	Badan Bukan Kerajaan	200 sebulan		200 sebulan	

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

- b. Semakan Audit terhadap sewaan ruang pejabat dan caj perkhidmatan bagi tempoh 2013 hingga Ogos 2015 mendapati kerajaan persekutuan, agensi swasta, sebahagian badan berkanun dan badan bukan kerajaan telah menjelaskan bayaran sewa dan caj perkhidmatan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun kerajaan negeri, PERKESO (badan berkanun) dan 4 badan bukan kerajaan mempunyai tunggakan caj perkhidmatan. Sehingga 31 Ogos 2015 jumlah tunggakan caj perkhidmatan ini adalah berjumlah RM391,732 seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Tunggakan Caj Perkhidmatan UTC Bagi Tempoh 2013 Hingga 31 Ogos 2015**

Bil.	Agensi	Caj Bulanan (RM)	Tunggakan Caj Perkhidmatan			Jumlah (RM)
			2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (Ogos) (RM)	
1.	Kerajaan Negeri	15,015	45,045	180,180	120,120	345,345
2.	PERKESO	1,512.50	4,537	18,150	12,100	34,787
3.	Majlis Belia Negeri Pahang	200	-	2,400	1,600	4,000
4.	Persatuan Radio Amatur	200	-	800	1,600	2,400
5.	Pahang All Bikers Club	200	-	-	1,200	1,200
6.	Majlis Pendekar Malaysia	200	-	2,400	1,600	4,000
<b>Jumlah</b>			<b>49,582</b>	<b>203,930</b>	<b>138,220</b>	<b>391,732</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

- c. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Pengurusan UTC telah menghantar surat tuntutan sewa dan caj perkhidmatan ini kepada agensi berkaitan sebanyak 2 kali dan surat tuntutan terakhir bertarikh 02 September 2015. Selain itu, Pejabat Pengurusan

UTC juga ada menghantar surat tuntutan kepada kerajaan negeri melalui surat bernombor: Bil. (6) dlm. MPK/UTC/5-11, bertarikh 09 Mac 2015 kepada YB Setiausaha Kerajaan Pahang berkaitan tuntutan caj perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri mulai Oktober 2013 hingga Februari 2015 yang berjumlah RM255,255. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 10 Julai 2015 MPK telah menghantar draf Perjanjian Penyewaan Ruang Pejabat kepada Pejabat SUK Pahang untuk disemak. Bagaimanapun, Pejabat SUK Pahang menghendaki MPK mengemukakan kembali pindaan draf perjanjian serta maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang.

- d. Pada 19 Oktober 2015 MPK telah mengemukakan maklum balas dengan mengambil kira hanya agensi di bawah kerajaan negeri sahaja yang dituntut melalui Pejabat SUK Pahang. Manakala agensi bukan di bawah Kerajaan Negeri akan dituntut secara berasingan. Namun sehingga Ogos 2015 Draf Perjanjian Penyewaan tersebut masih belum ditandatangani dan caj perkhidmatan juga masih belum dijelaskan. **Gambar 4.15** dan **Gambar 4.16** adalah Lot G-2, 3-2 di UTC yang disewakan kepada agensi Kerajaan Negeri.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.16**  
Agensi Kerajaan Negeri Lot G-2, 3-2  
UTC Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- e. Selain itu, UTC juga ada menyediakan sewaan tapak bagi mesin ATM/CDM kepada bank tempatan bagi kemudahan pengguna di bangunan UTC dengan kadar sewaan RM500 sebulan bagi setiap tapak mesin. Semakan Audit terhadap prestasi sewaan tapak mesin ATM/CDM oleh bank tempatan mendapati terdapat tunggakan sewa yang berjumlah RM21,000 seperti **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6

Tunggakan Sewaan Tapak Mesin ATM/CDM Yang Melebihi 3 Bulan Pada 31 Oktober 2015

Bil.	Penyewa Tapak ATM/ CDM	Bil. Unit	Bulan/Tahun	Tunggakan (RM)
1.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	2	Julai – Oktober	2,000
2.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1	Mei 2014 – Oktober 2015 + Deposit	9,000 + 1,500
3.	Malayan Banking Berhad	2	Ogos – Oktober 2015	1,500
4.	Bank Islam Malaysia Berhad	2	April – Oktober 2015	7,000
<b>Jumlah</b>				<b>21,000</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

- f. Semakan Audit mendapati antara sebab berlakunya tunggakan sewa adalah kerana perjanjian penyewaan yang lewat disedia dan ditandatangani. **Gambar 4.17** dan **Gambar 4.18** menunjukkan sewaan tapak mesin ATM/CDM di UTC.

**Gambar 4.17**  
Mesin Perbankan Automatik  
Di UTC Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

**Gambar 4.18**  
Mesin Perbankan Automatik  
Di UTC Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: UTC Pahang  
Tarikh: 21 Oktober 2015

- g. **Maklum balas yang diterima daripada Pejabat Pengurusan UTC Pahang bertarikh 18 Februari 2016, menjelaskan sehingga 31 Disember 2015 tunggakan sewa dan caj perkhidmatan UTC Pahang adalah berjumlah RM432,115. Tuntutan terhadap 2 agensi yang belum membuat bayaran iaitu Kerajaan Negeri dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah dibuat mengikut syarat dan terma perjanjian. Surat peringatan bayaran dibuat terhadap beberapa agensi yang mempunyai tunggakan bulanan.**

#### 4.4.3.2. Tunggakan Sewa RTC

- a. RTC Pahang mula beroperasi pada 1 Mac 2013. Penyewaan ruang di RTC adalah diuruskan oleh MDP sebagai pemilik bangunan dan telah meluluskan penyewaan kepada beberapa agensi Kerajaan dan swasta yang terdiri daripada usahawan kecil bumiputera tempatan.

- b. Tawaran penyewaan yang disediakan oleh MDP adalah berdasarkan kepada *As Is Where Is Basis* iaitu bangunan sewaan yang disediakan adalah dalam keadaan seperti mana di tapak premis tanpa apa-apa kerja baik pulih mahupun penambahan struktur bangunan.
- c. MDP telah menetapkan kadar sewaan bagi setiap lot di tingkat bawah pada kadar RM1,000 sebulan manakala lot di tingkat atas RM500 sebulan. Kadar sewaan ini ditetapkan berdasarkan penetapan kadar sewa yang telah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi bangunan RTC Pahang. Bagaimanapun semakan Audit mendapati KKLW melalui surat bertarikh 15 Januari 2015 (KKLW.NKRA.700-100/11-5 Jilid.4 (31)) telah memohon rayuan pengurangan kadar sewa bulanan daripada RM1,000 kepada RM500 bagi lot di tingkat bawah. Permohonan rayuan ini dibuat adalah susulan daripada surat permohonan yang diterima oleh KKLW daripada penyewa di bangunan RTC Pahang. Susulan daripada permohonan tersebut MDP telah bersetuju untuk mengurangkan kadar sewaan bulanan bagi lot di tingkat bawah daripada RM1,000 kepada RM800 sebulan.
- d. Bagaimanapun, kadar sewaan ini hanyalah melibatkan 4 lot sahaja iaitu sewaannya dibiayai oleh pengusaha persendirian. Manakala bagi lot yang disewa oleh agensi kerajaan dan sewaannya dibiayai oleh KKLW, kadar sewaan bulanan masih lagi dikenakan pada kadar RM1,000. Mulai 1 Januari 2014 kadar sewaan yang ditetapkan oleh MDP kepada penyewa adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Perbezaan Kadar Sewaan Bulanan Di RTC Pahang**

No. Lot	Sewaan Dibiayai Oleh	Kadar Lama (RM)	Kadar Baru (RM)
<b>Tingkat Bawah</b>			
1A	KKLW	1,000	1,000
2A	KKLW	1,000	1,000
3A	Percuma	-	-
4A	Persendirian	1,000	800
5A	Persendirian	1,000	800
6A	Persendirian	1,000	800
7A	Persendirian	1,000	800
8A	KKLW	1,000	1,000
<b>Tingkat Atas</b>			
1B	KKLW	500	500
4B	KKLW	500	500
5B	GIAT MARA	500	500
6B	GIAT MARA	500	500
7B	GIAT MARA	500	500
8B	KKLW	500	500

Sumber: Majlis Daerah Pekan

- e. Bangunan RTC Pahang mempunyai 16 lot dan 14 daripadanya telah disewakan iaitu 9 lot disewa oleh agensi kerajaan, 3 lot oleh agensi swasta dan 4 lot disewa oleh usahawan kecil bumiputera. MDP telah menetapkan bayaran pendahuluan yang perlu dijelaskan semasa mengemukakan Borang Perakuan Setuju Terima Tawaran

adalah berjumlah RM3,200 bagi lot di tingkat bawah dan RM1,700 bagi lot di tingkat atas termasuk RM200 yuran guaman dan proses perjanjian.

- f. Semakan Audit terhadap bayaran sewa di RTC Pahang mendapati, seramai 7 penyewa mempunyai tunggakan sewa dan bayaran pendahuluan sehingga 31 Ogos 2015 berjumlah RM86,500. Daripada jumlah tersebut RM17,900 adalah merupakan tunggakan bayaran pendahuluan, RM32,000 tunggakan sewa bagi tahun 2014 dan RM36,600 tunggakan sewa sehingga Ogos 2015 seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Tunggakan Sewa Di RTC Pahang Sehingga 31 Ogos 2015**

No. Lot	Tarikh Mula Menyewa	Tunggakan			
		Bayaran Pendahuluan (RM)	Sewaan Bulanan Tahun 2014 (RM)	Sewaan Bulanan Sehingga Ogos 2015 (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
<b>Tingkat Bawah</b>					
4A	1.9.2014	3,200	3,200	6,400	12,800
5A	1.1.2014	3,200	9,600	5,400	18,200
6A	1.1.2014	3,200	9,600	6,400	19,200
7A	1.1.2014	3,200	9,600	6,400	19,200
<b>Tingkat Atas</b>					
5B	1.3.2014	1,700	0.00	4,000	5,700
6B		1,700	0.00	4,000	5,700
7B	1.3.2014	1,700	0.00	4,000	5,700
<b>Jumlah</b>		<b>17,900</b>	<b>32,000</b>	<b>36,600</b>	<b>86,500</b>

Sumber: Majlis Daerah Pekan

- g. Jumlah tunggakan sewa bagi tempoh 2 tahun tersebut adalah RM68,600 atau 39.3% daripada jumlah hasil sepatutnya dikutip iaitu RM174,600 seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Peratus Tunggakan Sewa Berbanding Hasil Di RTC Pahang**

Tahun	Kutipan Hasil Sepatutnya (RM) a	Kutipan Hasil Sebenar (RM) b	Tunggakan Sewa (RM) c	Kadar (%) d=[c/a x 100]
2014	101,000	69,000	32,000	31.7
Sehingga Ogos 2015	73,600	37,000	36,600	49.7
<b>Jumlah</b>	<b>174,600</b>	<b>106,000</b>	<b>68,600</b>	<b>39.3</b>

Sumber: Majlis Daerah Pekan

- h. Semakan Audit mendapati kekurangan hasil bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM68,600 merupakan tunggakan sewa antara 8 hingga 20 bulan yang melibatkan 7 penyewa dengan jumlah tunggakan sewa masing-masing antara RM4,000 hingga RM16,000 bagi setiap lot. Semakan Audit terhadap fail penyewa di MDP mendapati lot 7A yang disewakan kepada Peluang Karisma Sdn. Bhd (Kedai Kain 1 Malaysia) tidak pernah membayar sewa sejak mula menduduki bangunan RTC pada

1 Januari 2014. Bagaimanapun, tiada apa- apa notis tuntutan dan tindakan yang dikenakan kepada 7 penyewa berkenaan oleh MDP.

- i. Selain itu pihak Audit juga mendapati tiada rekod mengenai kutipan sewa bagi tahun 2013. Pihak Audit difahamkan, MDP telah bersetuju untuk tidak mengenakan bayaran sewa kepada penyewa di RTC Pahang sepanjang tahun 2013 dan akan dikenakan mulai 1 Januari 2014. Bagaimanapun, tiada sebarang dokumen atau cabutan minit mesyuarat yang dikemukakan kepada pihak Audit bagi menyokong kenyataan tersebut.
- j. **Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 19 Februari 2016, menjelaskan MDP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 1/2016 yang bersidang pada 28 Januari 2016 telah pun meluluskan pengurangan sewa daripada RM800 kepada RM400 sebulan kepada peniaga. Manakala sewaan kepada agensi kerajaan yang lain adalah dikekalkan.**

#### 4.4.3.3. Tunggakan Bil Utiliti di RTC

- a. Semakan Audit mendapati bil utiliti seperti elektrik dan air di RTC adalah didaftar atas nama MDP. Ini menyebabkan penyewa tidak menjelaskan bil utiliti dan sehingga 30 November 2015 tunggakan bil elektrik dan air di RTC adalah berjumlah RM85,418 dan RM5,677.77 masing-masing seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**  
**Tunggakan Bil Utiliti Di RTC Pahang Sehingga 30 Nov 2015**

No. Lot	Penyewa	Tunggakan	
		Bil Elektrik (RM)	Bil Air (RM)
1A	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	524.65	299.19
2B	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	466.50	121.35
3A	Pejabat Daerah Dan Tanah, Pejabat Penghulu Dan Kaunter Pelbagai	18,916.90	633.35
3B	-	148.25	-
4A	Anita Cake House	12,375.30	497.71
4B	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	237.05	172.34
5A	Evergreen Cafe	22,607.85	130.15
6A	De Kuala Kafe	14,272.85	1,436.95
7A	Peluang Karisma Sdn.Bhd.	14,117.15	43.80
8A	Kementerian Kesihatan Malaysia	-	257.95
1B	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	-	463.73
5B	GIAT MARA	-	975.65
6B	GIAT MARA	-	645.60
8B	Kementerian Kesihatan Malaysia(KKLW)	1,751.58	-
<b>Jumlah</b>		<b>85,418.08</b>	<b>5,677.77</b>

Sumber : Majlis Daerah Pekan

- b. Semakan Audit juga mendapati pihak MDP telah pun menjelaskan sebahagian bil utiliti ini dan ini telah menjadi bebanan kewangan kepada MDP dan sukar untuk mengutip balik daripada penyewa.

**Pada pendapat Audit, prestasi penyewaan ruang di UTC dan RTC adalah kurang memuaskan kerana tunggakan sewa yang semakin meningkat. Selain itu tunggakan bil utiliti di RTC juga semakin meningkat serta boleh menjelaskan kedudukan kewangan MDP.**

#### 4.4.4. Prestasi Kutipan Hasil UTC Dan RTC

- 4.4.4.1.** Prestasi kutipan hasil UTC bagi tempoh April 2013 iaitu sejak mula beroperasi hingga Jun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Hasil UTC Bagi Tahun 2013 Hingga Ogos 2015**

Bil.	Jenis Sewaan	Hasil Sewaan Dan Caj Perkhidmatan UTC		
		2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (Ogos) (RM)
1.	Caj Perkhidmatan Agensi Persekutuan	-	469,997	313,331
2.	Caj Perkhidmatan Agensi Negeri	-	-	-
3.	Caj Perkhidmatan NGO	-	13,200	8,100
4.	Caj Perkhidmatan Agensi Badan Berkanun	-	558,260	231,973
5.	Bayaran Sewa Dan Caj Perkhidmatan Agensi Swasta	-	519,550	462,222
6.	Sewa Gerai Makan Dan Pelbagai	115,516	209,070	133,842
7.	Sewaan Bilik Mesyuarat	3,700	37,030	23,660
8.	<i>Jamming Studio</i>	-	805	175
9.	Gelanggang Futsal	48,450	74,316	35,635
10.	Permit Tapak Niaga	-	13,220	10,940
11.	Sewa Tapak Luar Bangunan	26,550	82,040	138,085
12.	Sewa Tapak Dalam Bangunan	47,660	196,380	207,800
13.	Tapak IKS	2,100	3,000	2,700
14.	Sewa Tapak <i>Gintell Rest N Go</i>	2,660	7,200	5,800
15.	Tapak Letak Kereta	50,772	55,744	57,549
16.	Penggunaan Kafe Siber	17,147	21,998	15,998
17.	Sewa Tapak ATM Dan CDM Bank	-	51,000	39,500
18.	Papan Iklan	-	8,694	7,124
19.	Iklan Luar ( <i>Unipol Dan Billboard</i> )	-	171,200	90,000
20.	Bil Utiliti Air Penggerai Dan bil TNB Agensi.	750	6,666	4,946
21.	Jualan Tender Dan Sebut Harga	1,400	2,170	1,620
22.	Bayaran Pengurusan UTC Oleh Kementerian Kewangan	-	922,172	-
23.	Lain-lain perkhidmatan	-	-	9,840
<b>Jumlah</b>		<b>316,705</b>	<b>3,423,712</b>	<b>1,800,840</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

- 4.4.4.2.** Analisis Audit terhadap prestasi kutipan hasil UTC berbanding perbelanjaan sehingga Ogos 2015 menunjukkan perbelanjaan semakin meningkat berbanding kutipan hasil. Pada tahun 2013 kutipan hasil rendah adalah kerana sebahagian hasil diambil kira

pada tahun 2014. Kos pengurusan UTC terutama bayaran utiliti adalah meningkat setiap tahun seperti di **Jadual 4.12**. Bagaimanapun prestasi kutipan hasil bagi tahun 2016 akan berlaku peningkatan berikutan semua agensi kerajaan persekutuan, agensi kerajaan negeri dan badan berkanun mula membayar sewa bulanan seperti agensi swasta.

**Jadual 4.12.**  
**Prestasi Keseluruhan UTC**  
**Bagi Tempoh 2013 Hingga Ogos 2015**

Pencapaian	Kutipan Hasil (RM)	Perbelanjaan (RM)	Lebihan/ (Kurangan) Hasil
Tahun 2013	316,705	1,775,459	(1,458,754)
Tahun 2014	3,423,712	2,041,683	1,382,029
Sehingga Ogos 2015	1,800,840	1,796,233	4,607
<b>Jumlah</b>	<b>5,541,257</b>	<b>5,613,375</b>	<b>(72,118)</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan UTC Pahang

**4.4.4.3.** Prestasi kutipan sewa di RTC Pahang menunjukkan kecekapan kutipan hasil sewa berbanding sasaran adalah pada kadar 60.7% bagi tempoh 2 tahun iaitu 2014 dan 2015. Pada tahun 2014, hasil sewa yang diterima adalah berjumlah RM69,000 berkurangan sejumlah RM32,000 berbanding sasaran yang berjumlah RM101,000. Manakala sehingga Ogos 2015, hasil yang diterima adalah berjumlah RM37,000 atau 50.3% berbanding sasaran yang berjumlah RM73,600 seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Kadar Pulangan Kutipan Hasil Sewa Di RTC Pahang**

Tahun	Sasaran Kutipan Hasil Sewa RTC (RM) a	Hasil Sewa Yang Diterima (RM) b	Kadar (%) c=[a/b x 100]
2014	101,000	69,000	68.3
Sehingga Ogos 2015	73,600	37,000	50.3
<b>Jumlah</b>	<b>174,600</b>	<b>106,000</b>	<b>60.7</b>

Sumber: Majlis Daerah Pekan

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil sewa di RTC adalah kurang memuaskan kerana kutipan hasil sewa adalah semakin berkurangan.**

#### **4.4.5. Penyenggaraan Bangunan RTC**

**4.4.5.1.** RTC Pahang beroperasi di bangunan kedai desa yang dibina oleh UDA Holdings Berhad dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Bangunan ini dibina pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM1.63 juta di tanah milik MDP. Bangunan kedai desa 2 tingkat 8 pintu ini kemudiannya telah diubah suai dan dinaik taraf menjadi bangunan RTC Pahang oleh KKLW. Antara kerja-kerja naik taraf dan pengubahsuaian yang dilakukan termasuklah menaik taraf kawasan sekitar seperti kedai desa, pembinaan pondok bas, dataran kejat, mengecat gerai, bina tandas awam, menaik taraf masjid dan sebagainya. Kerja-kerja pengubahsuaian ini siap pada 18 Jun 2013 manakala *Certificate*

of Practical Completion (CPC) telah dikeluarkan pada tarikh yang sama dan tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada 1 Oktober 2014. Bangunan ini kemudiannya diserahkan kepada MDP sebagai pengurus bangunan.

**4.4.5.2.** Semakan Audit mendapati pihak KKLW ada membuat aduan sebanyak 2 kali iaitu pada 9 Februari 2015 dan 11 Mac 2015 (KKLW.RTCPHG.700-100/11-5(21) kepada MDP berkaitan dinding di Klinik Pergigian RTC Pahang yang retak seperti di **Gambar 4.19** dan **Gambar 4.20**. Namun sehingga kini masih belum diambil tindakan oleh MDP.

**Gambar 4.19**  
Keretakan Dinding Di Klinik Pergigian  
RTC Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

**Gambar 4.20**  
Keretakan Dinding Di Klinik Pergigian  
RTC Pahang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTC Pahang  
Tarikh: 5 Oktober 2015

**4.4.5.3.** Selain itu, soal selidik yang dijalankan terhadap penyewa di RTC Pahang juga mendapati ada penyewa yang membuat aduan kepada MDP berkaitan sistem saluran paip kumbahan dan singki yang bermasalah, namun masih belum ada tindakan yang diambil.

**4.4.5.4.** **Maklum balas yang diterima daripada MDP bertarikh 19 Februari 2016, menjelaskan pihak MDP akan menjalankan kerja-kerja baik pulih setelah pihak penyewa menjelaskan tunggakan bayaran sewa. Anggaran kos bagi kerja-kerja baik pulih bangunan RTC Pahang adalah dianggarkan berjumlah RM35,000.**

Pada pendapat Audit, MDP perlu melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan bangunan dalam keadaan baik dan menyediakan peruntukan penyenggaraan secukupnya.

#### 4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan RTC Pahang dapat diurus dengan lebih cekap serta masyarakat mendapat manfaat sewajarnya daripada program yang dilancarkan oleh kerajaan ini adalah disyorkan MDP dan pihak Pengurusan RTC mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**4.5.1.** Pengurusan RTC Pahang perlu menyediakan semua kemudahan seperti ditetapkan dalam inisiatif RTC untuk dimanfaatkan oleh penduduk setempat.

**4.5.2.** Meningkatkan promosi dan kemudahan keperluan penduduk setempat serta pelancong supaya RTC menjadi pilihan untuk dikunjungi bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan di samping membeli belah.

**4.5.3.** Penyenggaraan berterusan oleh MDP terhadap bangunan RTC bagi memastikan bangunan adalah berkeadaan baik dan selamat kepada pengguna.





---

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI

NEGERI

---



# **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

## **5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **5.1. PENDAHULUAN**

**5.1.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**5.1.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

### **5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Usaha Penambahbaikan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri**

Bil.	Jabatan	Keterangan Penambahbaikan
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Menganjurkan Bengkel Sistem Audit <i>Online</i> kepada setiap bahagian/unit yang terlibat dengan pengurusan kewangan.</li><li>ii. Melaksanakan penstrukturran semula jawatan di semua bahagian terutamanya berkaitan pengurusan kewangan.</li><li>iii. Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko.</li><li>iv. Mengadakan Bengkel Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti).</li></ul>
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Surat Arahan Operasi Akauntan Negeri Bil. 3 Tahun 2015 menetapkan Pusat Tanggungjawab yang menyediakan penyata pemungut manual kerana tidak menggunakan Sistem SPEKS dalam proses terimaan untuk mengunci masuk penyata pemungut ke dalam Sistem SPEKS bagi mempercepatkan proses memperakaunkan hasil Kerajaan Negeri.</li><li>ii. Mempergiat aktiviti pemantauan hiburan berpremis bagi kenaan duti hiburan ke atas premis-premis yang menyediakan hiburan dan menguruskan caj masuk ke premis hiburan tersebut.</li></ul>

Sumber: Jabatan Negeri

### **5.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI**

**5.3.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

**5.3.2.** Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 5.2** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.2**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 5.3**  
**Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	   
70 – 89.9	Baik	  
50 – 69.9	Memuaskan	 
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 5.4.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 5.4.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan;
- 5.4.3.** Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 5.4.4.** Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 17 Jabatan/Agensi Negeri iaitu 15 Jabatan/Agensi berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 2 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **5.6. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Agensi Negeri selain 8 kawalan di atas (tidak termasuk Kawalan Perolehan dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan), kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

### **5.6.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **5.6.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperimana yang ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Acara Kewangan 1957, AP 11, 69 dan 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **5.6.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- b. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara pegawai dengan penyelia, pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

#### **5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan dan pentadbiran ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap PTJ supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agenzi Negeri. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## **b. Unit Audit Dalam**

1PP PS 3.1 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Jabatan/Agensi hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan yang diambil oleh pihak pengurusan, menyedia Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Jabatan/Agensi, membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

### **5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **5.6.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan viremen/pindah peruntukan dan analisis bajet mengenainya seperti berikut:

### **5.6.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2014 (Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Bajet Tahun 2015 Dan 2016). Perjanjian Program bagi tahun kewangan 2015 dan 2016 yang kemas kini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari 14 Jun 2015. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan;

ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **5.6.2.3. Kelulusan Viremen/Pindah Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemaskinikan akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **5.6.2.4. Analisis Bajet**

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada 31 Disember 2008 kepada semua Pegawai Pengawal supaya memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat. Oleh itu, pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 adalah berkaitan.

### **5.6.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap penggunaan pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **5.6.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, keselamatan semasa kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

#### **5.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **5.6.3.4. Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **5.6.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada

Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **5.6.4. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

##### **5.6.4.1. Perancangan Perolehan**

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **5.6.4.2. Kaedah Perolehan**

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke-13/2014 yang bersidang pada 30 April 2014 menetapkan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

#### **5.6.5. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah

dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

#### **5.6.5.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

#### **5.6.5.2. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi had kuasa berbelanja, pengasingan tugas bayaran, daftar bil, kawalan dalaman proses bayaran, pengurusan bayaran pukal, pengurusan panjar wang runcit dan pembayaran di bawah AP 58(a) serta 59.

### **5.6.6. Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

#### **5.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

#### **5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh 1PP WP 9.2 dan WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh 1PP WP 3.2.

### **5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala, Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

### **5.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

#### **5.6.7.1. Kawalan Umum**

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

#### **5.6.7.2. Penerimaan**

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

#### **5.6.7.3. Pendaftaran**

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

#### **5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 adalah berkaitan.

#### **5.6.7.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

#### **5.6.7.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.

- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

#### **5.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

#### **5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan**

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- 5.6.8.1.** Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisis kadar penggunaan bahan api bulanan.

- 5.6.8.2.** Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan

lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

**5.6.8.3.** Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakanannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

**5.6.8.4.** Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butiran penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

#### **5.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

**5.6.9.1.** Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**5.6.9.2.** Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

#### **5.6.10. Penyata Kewangan**


Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang Bil. 12 Tahun 2008, menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ia bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan stakeholders menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 5.7. PENEMUAN AUDIT

### 5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2015, sebanyak 17 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit iaitu 15 Jabatan/Agensi mengikut pusingan sekali dalam 3 tahun manakala 2 Jabatan/Agensi Negeri diaudit setiap tahun. Hasil pengauditan mendapat secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah semakin meningkat di mana 13 daripada 17 atau 76.5% Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit mencapai tahap cemerlang berbanding 6 daripada 12 atau 50% Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2014. Manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap baik pada tahun 2015 berbanding 6 pada tahun 2014. Bagaimanapun, terdapat satu Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.1**.

**Carta 5.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara


## **5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama**

### **5.7.2.1. Jabatan Negeri**

Pada tahun 2015, elemen kawalan pengurusan kewangan yang diaudit bagi Jabatan Negeri telah ditambah daripada 6 kawalan kepada 8 kawalan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi 11 Jabatan mengikut 8 kawalan utama adalah seperti di **Carta 5.2**. Berikut adalah hasil analisis terhadap pematuhan pengurusan kewangan Jabatan tersebut berdasarkan carta berikut:

- a. Bagi Kawalan Pengurusan, 8 Jabatan mencatat tahap cemerlang dan 3 Jabatan mencapai tahap baik.
- b. Kesemua 11 Jabatan mendapat tahap cemerlang dalam Kawalan Bajet.
- c. Bagi Kawalan Perbelanjaan, 9 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan masing-masing satu Jabatan berada tahap baik dan memuaskan.
- d. Elemen kawalan baharu iaitu Kawalan Perolehan yang telah diasingkan daripada Kawalan Perbelanjaan mencatatkan 3 Jabatan pada tahap cemerlang, 6 Jabatan pada tahap baik dan 2 Jabatan pada tahap memuaskan.
- e. Selain itu, 6 Jabatan mencapai tahap cemerlang dan 5 Jabatan pada tahap baik dalam Kawalan Terimaan.
- f. Dari segi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, 7 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan masing-masing satu Jabatan pada tahap memuaskan dan kurang memuaskan. Kelemahan yang ditemui adalah kelewatan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran serta Baki Akaun Deposit ke Jabatan Audit Negara dan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri.
- g. Dalam Pengurusan Aset dan Stor 6 Jabatan mendapat tahap cemerlang, 2 Jabatan pada tahap baik dan 3 Jabatan pada tahap memuaskan.
- h. Manakala elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan yang telah diasingkan daripada Pengurusan Aset Dan Stor mencatatkan 8 Jabatan berada pada tahap cemerlang dan 3 Jabatan pada tahap memuaskan.

**Carta 5.2**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2015**




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 2 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Amanah Dan Deposit

#### 5.7.2.2. Agensi Negeri

Pada tahun 2015, elemen kawalan pengurusan kewangan yang diaudit bagi Agensi Negeri telah dikurangkan daripada 9 kawalan kepada 8 kawalan disebabkan elemen Pengurusan Pinjaman telah digabungkan dalam Pengurusan Pelaburan. Hasil semakan Audit terhadap 8 elemen kawalan pengurusan kewangan di 6 Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.3**.

**Carta 5.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Agensi Negeri Tahun 2015**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Amanah Dan Deposit


- a. Dua Agensi mendapat tahap cemerlang dalam Kawalan Pengurusan manakala 3 Agensi mencapai tahap baik. Satu Agensi mencapai tahap tidak memuaskan dalam kawalan ini kerana Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit tidak pernah diadakan; pembahagian tugas bagi memeriksa buku tunai dan merekod terimaan tidak dibuat; Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hanya diadakan sekali dan Laporan Suku Tahun tidak disediakan serta dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri.
- b. Kesemua 6 Agensi mencapai tahap cemerlang dalam Kawalan Bajet.
- c. Bagi Kawalan Perbelanjaan, 2 Agensi berada pada tahap cemerlang manakala 3 Agensi lain mencapai tahap baik dan satu Agensi mencapai tahap memuaskan.
- d. Tahap pencapaian cemerlang dicapai oleh 4 Agensi dalam Kawalan Terimaan manakala satu Agensi memperoleh tahap memuaskan. Bagaimanapun, satu Agensi mencapai tahap tidak memuaskan kerana buku tunai tidak dikemas kini; resit tidak dikeluarkan dengan segera; pegawai membatalkan resit tidak diberi kuasa secara bertulis; ketepatan penyediaan penyata penyesuaian bank tidak dapat disahkan dan penyata penyesuaian bank tidak disemak dan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- e. Empat Agensi memperoleh tahap cemerlang dalam Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit manakala satu Agensi memperoleh tahap memuaskan. Satu Agensi lagi tidak terlibat dengan kawalan tersebut.
- f. Dua Agensi mendapat tahap cemerlang dalam Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala 2 Agensi lain mencapai tahap baik dan satu Agensi berada di tahap memuaskan. Sementara itu, satu Agensi memperoleh tahap kurang memuaskan kerana terdapat aset tidak dilabel; ruangan penempatan di KEW.PA-2 tidak dikemas kini; perbezaan bilangan item stor di Kad Petak dan secara fizikal; Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) tidak disediakan dan disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Selain itu, kawalan kenderaan juga tidak dipatuhi sepenuhnya seperti Buku Log Kenderaan, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak dan Daftar Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- g. Bagi Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 5 Agensi mencapai tahap cemerlang manakala satu Agensi memperoleh tahap baik.
- h. Lima Agensi telah mencapai tahap cemerlang bagi elemen Pengurusan Penyata Kewangan manakala satu Agensi lain berada di tahap memuaskan.

### **5.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**

**5.7.3.1.** Analisis Audit terhadap 2 Jabatan/Agensi Negeri yang dilaksanakan pengauditan setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2015 menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang masih kekal pada tahap cemerlang pada tahun 2015 dan bertambah baik berbanding tahun sebelumnya. Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang pula telah mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015 berbanding tahap baik bagi tempoh 2010 hingga 2014.

**5.7.3.2.** Analisis perbandingan tahap prestasi bagi tempoh 2 tahun pengauditan iaitu tahun 2011/2012 dan 2015 terhadap 15 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan mengikut pusingan sekali dalam 3 tahun mendapat 9 Jabatan/Agensi Negeri telah meningkat tahap prestasi pengurusan kewangan masing-masing antara 4.1% hingga 17.8%. Manakala, 6 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang; Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pahang; Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang; Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang; Pejabat Daerah Dan Tanah Bera; dan Lembaga Pembangunan Tioman telah menunjukkan penurunan sebanyak 2.1% hingga 8.0%. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 berbanding pengauditan tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 5.4.**

**Carta 5.4**  
**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Tahun 2015**  
**Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

AP 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 15 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil daripada pemeriksaan mengejut yang dijalankan mendapati 2 Jabatan/Agensi iaitu Pejabat Pertanian Daerah Pekan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan. Manakala, 13 Jabatan/Agensi lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui di 13 Jabatan/Agensi adalah seperti di **Jadual 5.5**. Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

**Jadual 5.5**  
**Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015**

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
1.	Jabatan Kerja Raya Daerah Maran	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Wang Kutipan Hasil</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi lewat dikeluarkan kepada pembayar.</li> </ul> </li> <li>b. <b>Peti Besi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang rasmi yang berharga.</li> <li>ii. Kunci peti besi hanya dipegang oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab sahaja.</li> </ul> </li> <li>c. <b>Kawalan Perbelanjaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengasingan tugas tidak diwujudkan di antara pegawai penyedia dan pelulus.</li> </ul> </li> </ul>
2.	Pejabat Hutan Daerah Rompin	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Kawalan Perbelanjaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada bukti semakan oleh penyelia di Buku Vot elektronik.</li> </ul> </li> </ul>
3.	Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Pemeriksaan Mengejut</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semakan terhadap setem pos tidak dijalankan.</li> </ul> </li> </ul>
4.	Pejabat Pertanian Daerah Maran	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Setem Pos/Mesin Franking</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Stok setem fizikal adalah tidak bersamaan dengan Daftar Setem.</li> </ul> </li> <li>b. <b>Pemeriksaan Mengejut</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> </ul> </li> <li>c. <b>Kawalan Perbelanjaan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak dapat disahkan kerana perwakilan kuasa tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.</li> <li>ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”.</li> </ul> </li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agensi</b>	<b>Penemuan Audit</b>
5.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Bera	<p><b>a. Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi lewat dikeluarkan dan tidak diserahkan kepada pembayar.</li> <li>ii. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>iii. Jumlah kutipan tidak dibankkan dengan segera.</li> <li>iv. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut.</li> </ul> <p><b>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR.</li> <li>ii. Baucar bayaran tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap.</li> </ul> <p><b>c. Perwakilan Kuasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.</li> </ul> <p><b>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> </ul>
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Raub	<p><b>a. Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.</li> <li>ii. Resit rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.</li> <li>iii. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>iv. Jumlah kutipan tidak dibankkan dengan segera.</li> </ul> <p><b>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan PWR tidak diperolehi.</li> <li>ii. Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR.</li> </ul> <p><b>c. Perwakilan Kuasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak dikemukakan.</li> </ul> <p><b>d. Kawalan Perbelanjaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak dapat disahkan kerana tiada surat perwakilan had kuasa meluluskan baucar bayaran.</li> <li>ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "<b>TELAH BAYAR</b>".</li> <li>iii. Semua bil yang diterima tidak dicap "<b>TARIKH TERIMA</b>".</li> <li>iv. Tiada bukti semakan ke atas Buku Vot/Buku Vot elektronik sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.</li> </ul>
7.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuantan	<p><b>a. Setem Pos/Mesin Franking</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.</li> <li>ii. Semua terimaan dan pengeluaran Setem Pos tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>
8.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Pekan	<p><b>a. Setem Pos/Mesin Franking</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua terimaan dan pengeluaran Setem Pos tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul> <p><b>b. Peti Besi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peti besi tidak bercantum dengan kerangka bangunan.</li> </ul>

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
		<p>c. <b>Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemeriksaan Mengejut dilakukan selain daripada Ketua Jabatan.</li> </ul>
9.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temerloh	<p>a. <b>Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua terimaan dan pengeluaran Setem Pos tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>
10.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	<p>a. <b>Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>ii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut.</li> </ul> <p>b. <b>Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR.</li> </ul> <p>c. <b>Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> <li>ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam daftar pemeriksaan mengejut.</li> </ul> <p>d. <b>Kawalan Perbelanjaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.</li> <li>ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "<b>TELAH BAYAR</b>".</li> <li>iii. Pembayaran melalui baucar tidak dibuat dengan betul dan tepat.</li> <li>iv. Terdapat Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian.</li> <li>v. Terdapat bil yang diterima tidak dibayar segera iaitu dalam tempoh 14 hari.</li> <li>vi. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak diselenggarakan.</li> </ul>
11.	Perpustakaan Awam Daerah Raub	<p>a. <b>Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>ii. Jumlah kutipan tidak dibankkan dengan segera.</li> <li>iii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut.</li> <li>iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dengan selamat iaitu di dalam Peti Besi.</li> <li>v. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan.</li> <li>vi. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.</li> </ul> <p>b. <b>Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan PWR tidak diperolehi.</li> <li>ii. Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki di Buku Tunai PWR.</li> <li>iii. Baucar bayaran PWR tidak disediakan oleh Pejabat.</li> </ul> <p>c. <b>Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agensi</b>	<b>Penemuan Audit</b>
12.	Perpustakaan Awam Daerah Bera	<p><b>a. Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.</li> <li>ii. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>iii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut.</li> <li>iv. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</li> </ul> <p><b>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan PWR tidak diperolehi.</li> <li>ii. Baucar bayaran PWR tidak disediakan oleh Pejabat.</li> <li>iii. Pendahuluan telah dibuat melalui PWR.</li> <li>iv. Tuntutan rekupmen tidak diterima.</li> </ul> <p><b>c. Perwakilan Kuasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil.</li> </ul> <p><b>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> <li>ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.</li> </ul>
13.	Majlis Daerah Jerantut	<p><b>a. Wang Kutipan Hasil</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>ii. Daftar Borang Hasil tidak dikemas kini.</li> </ul> <p><b>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan PWR tidak diperolehi.</li> </ul> <p><b>c. Daftar Pemeriksaan Mengejut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.</li> <li>ii. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak dilaksanakan secara menyeluruh.</li> </ul> <p><b>d. Kawalan Perbelanjaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua bil yang diterima tidak dibayar segera iaitu dalam tempoh 14 hari.</li> <li>ii. Bil yang diterima tidak di cap "TARIKH TERIMA".</li> <li>iii. Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</li> <li>iv. Tiada bukti semakan ke atas Buku Vot/Buku Vot elektronik sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.</li> <li>v. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak dikemaskini.</li> </ul> <p><b>e. Hal-hal Lain</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah kutipan hasil fizikal tidak bersamaan dengan rekod dokumen kutipan hasil.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **5.9. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan berikut:

**5.9.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

**5.9.2.** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

**5.9.3.** Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkat keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**5.9.4.** Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, *frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

**5.9.5.** Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.





---

# PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

## JABATAN AUDIT NEGARA

**Putrajaya**

**19 Mac 2016**







---

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA